


ANTOLOGI

Jajiji



e-Penerbitan Mac 2022

Hak cipta terpelihara © 2022 Pusat Bahasa Melayu Singapura, Akademi Guru Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura. Tidak dibenarkan mengulang cetak atau menerbitkan semula mana-mana bahagian isi kandungan bahan e-Penerbitan ini dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada pemilik hak cipta e-Buku ini.

ISBN: 978-981-18-3496-7

Diterbitkan oleh



Pusat Bahasa Melayu Singapura
Akademi Guru Singapura
Kementerian Pendidikan Singapura

Reka Bentuk oleh

Oxford Graphic Printers Pte Ltd
11 Kaki Bukit Rd 1
#02-06/07/08 Eunos Technolink
Singapore 415939









ANTOLOGI





Tajiri

ANTOLOGI

Janji



Kandungan



Sekapur Sirih

6

Seulas Pinang

8

Kemelut

10

Tusuk

18

Camuk

32

Gelora

40

Angkara

48

Janji

58

Senja

72

Dendam

81

Sangka

94

Paksi

105

Sekalung Budi

114

Sekapur Sirih



Norhayati Awang
Pengarah Pusat
Pusat Bahasa Melayu Singapura
Akademi Guru Singapura
Kementerian Pendidikan Singapura

Para pembaca budiman,

Antologi *Janji* diterbitkan untuk tujuan pendidikan. Antologi ini merupakan satu usaha bersama antara National Arts Council (NAC) dan Pusat Bahasa Melayu Singapura pada tahun 2017. Kerjasama ini membolehkan Encik Suratman Markasan menganjurkan sesi klinik '*Creative Writing in Malay Literature With Suratman Markasan*' yang turut diikuti oleh para guru bahasa Melayu yang dijalankan pada 13 November 2017 di National Gallery, Singapura. Susulan daripada sesi tersebut, Encik Suratman telah bertindak sebagai mentor untuk membimbing para guru dalam penghasilan cerpen secara individu.

Terima kasih saya ucapkan kepada Encik Suratman Markasan atas bimbingan yang dihulurkan kepada para guru bahasa Melayu kita. Perkongsian dan bimbingan yang diberikan akhirnya membuahkan hasil dengan penerbitan Antologi Janji yang mengandungi 10 cerpen hasil karya para guru kita.



Sila tonton pesanan Pengarah Pusat, Pusat Bahasa Melayu Singapura.

Syabas saya ucapkan kepada para guru kita yang giat menimba ilmu daripada Encik Suratman Markasan walaupun sibuk melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang pendidik. Pasti bahan yang diterbitkan ini boleh merangsang para guru yang lain termasuk pelajar untuk menghasilkan karya kreatif dalam usaha melestarikan bahasa Melayu yang kita cintai bersama.

Penerbitan Antologi *Janji* ini mencerminkan tekad MLCS untuk melestarikan bahasa Melayu dengan memperkaya bahan bacaan dan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di Singapura. Para guru disyorkan untuk menggunakan *Janji* secara kreatif untuk menyemarakkan minat membaca dan menghargai karya sastera dalam kalangan para pelajar kita.



Sila tonton pesanan Pengarah Pusat, Pusat Bahasa Melayu Singapura.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Penerbitan Antologi *Janji* mencerminkan usaha para guru bahasa Melayu kita untuk berkarya lantas memperkaya bahan bacaan yang boleh digunakan bagi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu yang menyeronokkan dalam kalangan pelajar.

Penerbitan Antologi *Janji* terhasil atas usaha bersama antara National Arts Council

(NAC) dan Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS). Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak NAC dan MLCS yang membolehkan saya menganjurkan sesi klinik dan pementoran bagi para guru bahasa Melayu kita dalam penghasilan penulisan kreatif.

Antologi *Janji* mengandungi 10 cerpen. Tema dan mesej yang dipaparkan dalam karya


Seulas Pinang

kreatif yang dihasilkan ini rencam dan pelbagai sekaligus mencerminkan pengalaman dan pemikiran luas para penghasilnya. Tema dan mesej yang dipaparkan juga menggambarkan realiti kehidupan manusia yang sememangnya kompleks serta merangkumi pelbagai interaksi dan perhubungan antara watak-wataknya dalam persekitaran atau lingkungan kehidupan yang pelbagai juga.

Syabas saya ucapkan kepada para guru kerana gigih berkarya. Semoga penerbitan Antologi *Tanji* ini menjadi pencetus kepada penghasilan lebih banyak karya kreatif yang mampu dihasilkan demi melestarikan bahasa dan budaya Melayu serta memperkaya bahan bacaan dan pengajaran dan pembelajaran sekaligus menerapkan rasa cinta pada bahasa, sastera dan budaya Melayu dalam kalangan para pelajar kita.




Suratman Markasan
Sasterawan dan Budayawan Melayu



Kemelut

Daing Noor Ashikin Bahnan



Biodata Penulis



Daing Noor Ashikin Bahnan

Cikgu Daing Noor Ashikin Bahnan mula mengajar pada tahun 1999. Beliau kini bertugas di Sekolah Rendah Admiralty. Beliau menulis kerana menulis merupakan satu ruang untuk beliau meluahkan idea, pengalaman, emosi dan pengamatan beliau terhadap apa yang berlaku di sekeliling. Penulis yang beliau gemari ialah Agatha Christie dan Ramlee Awang Murshid.

Sasha buntu Ma...

Sasha bingung...

Sasha tidak tahu apa yang harus Sasha buat sekarang...

Sasha tak tahan lagi, Ma...

Sasha ingat Mama cakap pada Sasha. Mama cakap...

“Sasha kalau ada masalah, bilang Mama. Sasha jangan simpan-simpan.”

Betul... kan, Mama? Sasha ingat pesan Mama itu tapi Sasha tak mampu beritahu Mama. Sasha tak mampu luahkan hati Sasha. Sebenarnya, Sasha marahkan Mama. Sasha tak puas hati dengan Mama. Mama nak tahu kenapa? Sebab Mama terlalu menaruh harapan yang tinggi pada Sasha. Harapan Mama terlalu tinggi, Ma.

Mama mahu Sasha jadi pelajar nombor satu. Mama mahu Sasha dapat semua A untuk subjek-subjek Sasha. Mama mahu Sasha jadi macam sepupu-sepupu Sasha, Wati dan Rina. Mereka cerdik, Ma. Tapi anak Mama ini tidak seperti mereka.

Mama tahu kan sejak di darjah satu lagi Sasha tak pernah mendapat nombor satu dalam kelas. Latihan ejaan setiap minggu pun Sasha tak pernah dapat semua betul, Ma. Mama ingat tak bagaimana Sasha tiru tandatangan Mama dalam buku ejaan Sasha? Sebab Sasha takut Mama marah. Sasha tak mahu Mama kecewa dan malu. Sasha tahu Mama malu pada anak murid Mama dan guru-guru lain. Sasha pernah terdengar Ma. Mama mengadu kepada Papa.

“Malunya saya! Saya marah budak-budak di kelas kerana tak belajar ejaan. Anak saya sendiri tak belajar ejaan! Macam mana saya nak nasihatkan anak murid supaya belajar rajin-rajin untuk dapat keputusan yang cemerlang kalau anak sendiri tak dapat keputusan cemerlang!”

Mama mungkin lupa, tetapi Sasha ingat Ma. Sasha dengar dengan jelas, Sasha ingat sampai sekarang. Sebab itulah Sasha sengaja tak mahu belajar. Buat apa nak belajar kalau Mama selalu fikir yang Sasha tak pernah belajar? Pada waktu



itu Sasha nak memberontak tapi Sasha tak tahu caranya. Sasha fikir dengan tidak belajar ejaan, itulah cara Sasha sakitkan hati Mama. Maafkan Sasha, Mama.

Mama ingat semasa Sasha darjah empat? Ma ingat pada Mrs David? Mrs David guru darjah yang paling Sasha benci itu? Sasha tahu Mama rasa tertekan apabila Mrs David selalu mengadu tentang Sasha pada Mama. Sasha tak pernah beritahu Mama bagaimana Mrs David pernah **menunjal** kepala Sasha di dalam kelas kerana marah. Sakit Ma. Sasha malu Ma...

Mama tak tahu bagaimana Mrs David menuduh Sasha mencuri, Ma! Hanya kerana pena berwarna-warni kawan Sasha, Angelina ada dalam beg Sasha. Tapi Sasha tak curi pena itu, Ma. Sasha tidak tahu bagaimana pena itu ada dalam beg Sasha.

Ma, Sasha tahu Mama banyak menangis di sekolah pasal Sasha. Hilman, kawan sekelas Sasha yang merupakan anak murid Mama beritahu Sasha. Dia nampak mata Mama merah sebaik-baik sahaja dia beritahu Mama tentang Mrs David syak Sasha mencuri. Maafkan Sasha, Ma. Sasha tahu Sasha salah kerana selalu tak buat kerja sekolah sehingga Mrs David marah. Sasha sendiri tak tahu mengapa Sasha bertindak begitu, Ma. Sasha tahu Mama malu. Waktu itu semua murid tidak henti-henti bercakap tentang Sasha.

Ma, Sasha tak perlukan kaunseling. Kaunselor itu tidak tahu apa-apa tentang diri Sasha. Sebenarnya, Sasha tidak mahu bersekolah lagi. Setiap kali selepas waktu rehat tamat atau selepas kelas Bahasa Melayu, Sasha akan beritahu guru subjek yang Sasha sakit kepala kerana asyik ditertawa dan diejek kawan-kawan. Sebenarnya Ma, Sasha mahu pulang.

Tiba-tiba, telefon bimbit Puan Linda berbunyi. Namun tidak diendahkannya. Sebaliknya, mata Puan Linda asyik tertumpu ke sehelai kertas yang mula basah. Fikirannya mulai melayang jauh.



Wajah ibu dan ayahnya yang **kegirangan** bangga bermain-main di mata Puan Linda sebaik-baik sahaja dia naik ke pentas untuk menerima Hadiah Buku Perdana Menteri. Bukan sekali tetapi tiga kali, dia memenangi hadiah buku itu. Puan Linda bangga dengan pencapaiannya semasa di sekolah dahulu. Dalam hatinya, dia yakin anaknya juga akan meraih kejayaan yang serupa.

Ma, benarkah Mama kecewa dengan Sasha? Kecewa dengan keputusan PSLE Sasha. Mama mahu Sasha menjadi pelajar terbaik PSLE di sekolah. Sasha tahu Mama mahu Sasha masuk ke Sekolah Perempuan Raffles seperti Mama. Tapi Ma, Sasha bukan Mama. Sasha tidak pandai macam Mama.

“Masa Mama di sekolah rendah dahulu, Mama tidak ada kelas tuisyen atau buku latihan untuk membantu Mama. Sasha sangat beruntung kerana Mama mampu dapatkan Sasha guru tuisyen di rumah. Banyak buku latihan yang Mama belikan. Sasha mesti mendapatkan keputusan yang cemerlang.” Kata Mama, sekurang-kurangnya 2A* dan 2A!”

Itulah yang Mama lafazkan kepada Sasha sebulan sebelum PSLE. Maafkan Sasha, Ma kerana tidak mendapat keputusan yang Mama inginkan. Sasha kecewa dengan diri Sasha. Mengapakah Sasha tidak sepandai Abang atau sepupu-sepupu Sasha?

Semuanya salah Mama. Mungkin kalau Mama masukkan Sasha ke sekolah yang berlainan, tentu Sasha tidak seperti sekarang. Mungkin kalau Mama tidak terlalu mendesak, Sasha tidak akan jadi begini. Mama masukkan Sasha dalam kelas tuisyen khas, kelas drama, kelas renang, kelas taekwondo dan kelas agama hujung minggu. Ma, Shasha penat. Sasha letih. Sasha lelah. Tiada masa lapang langsung buat Sasha. Setiap minit ada sahaja aktiviti yang perlu Sasha lakukan. Sasha tidak diberikan peluang untuk membuat pilihan.

“Sasha, Mama sudah daftarkan Sasha dalam kelas vokal. Sasha suka menyanyi, kan? Dalam kelas vokal itu nanti Sasha akan belajar **selok-belok** menyanyi dengan betul. Mama mahu Sasha ke SOTA.”

Mama, semua pilihan Sasha ditentukan oleh Mama. Sasha bukan patung, Ma. Sasha juga manusia yang punya perasaan dan keinginan seperti Mama dan orang-orang lain. Tapi Mama tak berikan hak memilih itu kepada Sasha, Ma. Kenapa, Ma?

“Mama tidak mahu Sasha tersalah pilih! Sebab itu Mama buat keputusan untuk Sasha. Sudah, jangan nak **membanggang**! Dengar cakap Mama. Ingat, semua ini Mama buat demi masa depan Sasha. Anak-anak kawan Mama yang masuk kelas pengayaan semua cemerlang. Semua berjaya. Lagi pun Mama tahu Sasha suka. Mama tahu itulah yang terbaik buat Sasha.”

Ma, awalnya Sasha suka aktiviti tersebut tetapi bila sudah terlalu banyak, Sasha benci. Bagi Sasha, itu satu paksaan. Lagi pun Sasha tidak mahu jadi penyanyi. Itu yang Mama tidak akan faham.

Deringan nyaring telefon bimbit memecah **keheningan**. Namun, ia seolah-olah tidak didengari oleh Puan Linda. Peristiwa yang berlaku beberapa tahun lalu mula berlegar-legar di mindanya sekali lagi.

“Sasha, dengan keputusan Sasha ini, lebih baik Sasha masuk ke aliran Normal Akademik sahaja. Kalau Sasha pilih aliran Ekspres, Sasha hanya boleh pilih sekolah kejuruan sahaja. Mama mahu Sasha ke sekolah berautonomi, yang terbaik di Yishun. Itu muktamad Sasha!” Tangan Puan Linda semakin menggeletar setiap kali memori kusam menerjah menghantui fikirannya.

Mati-mati Mama mahu Sasha ke aliran Normal Akademik sedangkan keputusan Sasha melayakkan Sasha ke aliran Ekspres. Hanya kerana Mama mahu Sasha ke sekolah berautonomi di Yishun. Kata Mama, sekolah lain tidak berprestij. Kata Mama, sekolah lain, ramai budak nakal. Nanti Sasha juga akan terikut-ikut menjadi nakal. Tapi Mama tidak tahu yang di sekolah pilihan Mama ini juga ada ramai pelajar nakal.

Mama, semasa Sasha di sekolah menengah satu, Sasha sering dibuli Ma. Sasha dibuli oleh sekumpulan budak perempuan yang bencikan Sasha. Lama-kelamaan semakin ramai orang yang tidak suka pada Sasha, Ma. Sasha tertekan Ma.

Cuma Sasha sembunyikan daripada mama. Sasha juga rasa janggal. Sebab apa yang Sasha lakukan itu bukan Sasha yang sebenarnya. Sasha yang sebenarnya seorang budak perempuan berumur tiga belas tahun yang lebih suka bersendirian. Tapi Mama paksa Sasha menjadi seseorang yang Sasha sendiri tidak kenali. Sasha cuba untuk penuhi kemahuan Mama walaupun jiwa Sasha terseksa. Sasha tidak beritahu Mama kerana Mama pasti akan membanding-bandingkan Sasha dengan Mama.



“Mama dahulu satu-satunya ayam tambatan datuk dan nenek. Datuk dan nenek mengharapkan Mama masuk universiti dan berjawatan tinggi. Tapi datuk dan nenek tidak mampu untuk hantar Mama ke kelas-kelas **pengayaan**. Mereka sibuk mencari nafkah siang dan malam untuk menyekolahkan Mama sehingga tidak ada masa untuk ambil tahu perkembangan Mama. Sasha beruntung kerana Mama sentiasa ambil berat tentang Sasha. Mama sentiasa pantau gerak-geri Sasha di media sosial. Kalau Mama boleh bahagikan datuk dan nenek, kenapa Sasha tak boleh?”

Ke mana sahaja Sasha berada, Mama pasti akan tahu. Mama seolah-olah bayang-bayang Sasha. Mama tidak mahu lepaskan Sasha walaupun di alam siber. Ma, Sasha rimas. Terlalu rimas. Sasha mahukan kebebasan. Tapi Sasha tak tahu bagaimana hendak cari kebebasan itu. Seinggalah Sasha jumpa Julie. Julie kawan sejurusan Sasha di politeknik, Ma. Mama kenal Julie kan? Mama tidak akan marah kalau Sasha bawa pulang kawan-kawan perempuan. Mama hanya akan marah kalau Sasha berkawan dengan budak lelaki. Sasha tak kisah itu semua. Sebab itu Sasha tidak suka budak lelaki. Sasha lebih suka budak perempuan, Ma. Tapi ada satu perkara tentang Julie yang

Mama tak tahu. Mama tak tahu, Julie yang Mama percayalah yang mengajar Sasha merokok. Malah lebih daripada itu Ma. Sasha **terpesong** jauh Ma.

“Sasha buka pintu sekarang! Apa yang Sasha sembunyikan daripada Mama?”


Setiap kali Mama masuk ke bilik Sasha, Mama tak akan jumpa apa-apa. Di mata Mama, Sasha budak baik. Di mata Mama, Mama kononnya sudah berjaya membesarkan Sasha. Tapi Mama tidak tahu yang anak Mama ini sudah jauh terlanjur. Anak Mama ini bukan Sasha yang dahulu. Anak Mama ini semakin tertekan. Sasha tertekan dengan kehendak Mama yang kini mahukan Sasha mengambil jurusan kejuruteraan di politeknik. Sasha tidak minat tapi Sasha ikutkan kehendak Mama juga kerana Sasha mahu Mama berhenti berleter. Kini, tekanan Sasha semakin bertambah Ma. Rupa-rupanya, Julie juga sama seperti Mama. Julie mahu Sasha ikut telunjuknya.

Julie mahu Sasha jadi seperti dia yang dibuang sekolah kerana ditangkap mencuri di sebuah pasar raya. Julie mahu Sasha tinggalkan Mama dan tinggal bersamanya, Ma. Julie menjanjikan kebebasan yang Sasha idam-idamkan selama ini. Kata Julie, tiada sesiapaupun yang akan menyuruh Sasha buat itu dan ini. Mama tidak akan tahu ke mana Sasha akan tuju. Ketika itu, Mama tidak akan dapat mencari Sasha lagi. Itu kata Julie, Ma. Sasha serba salah sekarang. Sasha tidak tahu mahu ikut Julie atau Mama. Julie menjanjikan kebebasan tetapi Sasha masih sayangkan Mama. Sasha keliru sekarang, Ma.

Ma, apabila Mama membaca surat ini, Sasha sudah pergi jauh dari sini. Julie mengugut akan mengheret Sasha ke balai polis jika Sasha tidak mengikutnya, Ma. Sasha terpaksa pergi, Ma. Ampunkan Sasha dan halalkan segala makan dan minum Sasha selama ini, Ma.

Hujan lebat petang itu turut menemani air mata Puan Linda yang merembas gugur tanpa henti. Sesekali terdengar **dentuman** guruh yang menenggelami esakan yang datang daripada susuk tubuh yang sudah mula dimakan usia. Kekesalan mula terbuku di hati Puan Linda. Selama ini, dia tidak menyangka bahawa dialah punca segala masalah Sasha. Pada firasatnya, Sasha hanya sengaja menyusahkannya. Surat yang dibasahi air mata itu terjatuh ke lantai apabila telefon bimbit Puan Linda berbunyi buat ketiga kali.

“Sasha! Sasha maafkan Mama, sayang! Baliklah Sasha! Janganlah tinggalkan Mama! Kita bincang baik-baik ya Sha.” Kata-kata pujukan itu **terpacul** keluar daripada mulut Puan Linda sebaik-baik sahaja dia terpandang nombor telefon bimbit Sasha di skrin telefonnya.



Namun, sangkaan Puan Linda meleset apabila suara yang kedengaran di hujung talian bukanlah milik Sasha. Suara garau dan keras seorang pegawai polis membuat tangkai jantung Puan Linda seperti hendak putus. Apakah yang terjadi kepada Sasha? Di manakah Sasha sekarang? Selamatkah Sasha? Dapatkah aku berjumpa dengan Sasha semula? Soalan demi soalan bertubi-tubi mengasak kotak fikiran Puan Linda. Puan Linda jatuh **terjelepok** di sisi katil sebaik-baik sahaja pegawai polis itu meminta dia ke balai polis dengan segera. Pada waktu itu juga, dia ternampak pesanan ringkas yang dikirim Sasha tadi pagi. Dadanya berombak kencang.

Mama, Sasha baru sedar akan kesilapan Sasha selama ini. Sasha asyik menyalahkan Mama. Sasha tak nampak kesilapan Sasha. Sasha sudah banyak buat dosa terhadap Mama. Masihkah ada keampunan buat Sasha, Ma? Ma, Julie telah membawa Sasha ke sebuah rumah kosong. Sudah tiga hari Sasha dikurung. Julie tidak membenarkan Sasha pulang, Ma. Julie sudah gila, Ma. Sasha takut! Sasha hendak pulang ke pangkuan Mama! Tolong Sasha, Ma!

“Sasha! Sasha! Sasha! Encik, Encik! Di mana anak saya, Encik? Sasha, maafkan Mama, sayang. Mama janji Mama tidak akan paksa Sasha lagi. Kita mulakan hidup baharu ya, sayang,” **lolongan** Puan Linda ketika dia masuk ke dalam balai polis. Puan Linda tidak mempedulikan kata-kata pegawai polis yang cuba menenangkannya. Kakinya tiba-tiba menjadi lemah. Dia terpaksa dipapah ke sebuah bilik kecil yang kosong.

Ketika mata Puan Linda **melilau** mencari-cari anaknya, tiba-tiba, bahunya disentuh lembut. Puan Linda menoleh. Belum sempat dia bersuara, tubuhnya dirangkul erat. Bahunya dibasahi air mata. Suara esakan memecah keheningan bilik kecil itu.

- Selesai -

Glosari

dentuman – bunyi dentum seperti bunyi meriam

keheningan – perihal sunyi, kesenyapan

lolongan – jerit atau pekik seperti meratap

melilau – memandang ke sana ke mari

membangkang – membantah, menyanggah, menentang

menunjuk – menunjuk dan menyentuh dengan jari (biasanya dengan jari telunjuk)

pengayaan – perbuatan atau hal mengayakan

terjelepok – jatuh terduduk

terpacul – keluar atau datang dengan tiba-tiba


terpesong – menyimpang daripada tujuan, menyeleweng

A red dot followed by the text "REC" in white, indicating a recording status.

REC

Tusuk

Muhamad Rafi Abu Bakar





Biodata Penulis



Muhamad Rafi Abu Bakar

Cikgu Muhamad Rafi Abu Bakar mula mengajar pada tahun 1993. Kini bertugas di Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS). Beliau menulis untuk merakamkan kisah yang terjadi dalam masyarakat sebagai satu dokumentasi sosial dan pada masa yang sama beliau juga mahu berkongsi hasil penulisan beliau dengan anak-anak didik beliau. Penulis kegemaran beliau ialah Naguib Mahfouz, Chinua Achebe, Budi Darma dan Ayu Utami.

“Biadab! Aku dia tak tahu hormat?”

“Aku dah beri mereka peluang untuk bersalaman dengan aku. Satu orang pun tidak bersalaman. Biadab! Tak hormat langsung.”

Leteran Pak Has berpanjangan, meleret dan meluap-luap sehinggakan rakan sekerjanya Pak Wan tidak tahu bagaimana hendak memberikan respons setiap kali Pak Has memuntahkan rungutan. Tersilap lafaz, akan tersinggunglah rakan sejawatnya yang sudah berusia. **Cengeng** orangnya.

“Sudahlah Has. Kau pun, ada sahaja yang tak kena dengan orang.”

“Tak kena kata kau? Budak-budak mentah tu harus sedar siapa kita dalam syarikat ini. Tak perlulah nak mengampu Tuan Haji. Tunjuk rajin konon.”

“Sudahlah Has. Tekanan darah kau tu kena jaga sikit.”

“Tadi, aku suruh mereka angkat bahan-bahan yang kita perlukan. Mereka kata nanti... sedang sibuk. Pandang muka aku pun tidak. Biadab. Sampai sekarang ni pun tak angkat-angkat. **Tergendal**alah kerja kita. Itu tak perlu marah kau kata?”

“Eh! Aku ni **Penyelia** Wan! Bukan kucing kurap!

“Engkau pun...Has, kau tengok budak-budak tu kan sibuk.”

“Sibuk apa? Kerja apa? Asyik melekat dengan telefon bimbit mereka sahaja! Kalau orang lalu baru pura-pura buat kerja. Kalau tidak, sembunyi dalam tandas berjam-jam, sembunyi belakang tembok dengan telefon.”

“Kau pun jangan tuduh-tuduh. Masa aku sampai awal tadi, aku dengar Tuan Haji suruh budak-budak tu bersihkan bilik kosong itu. Waktu itu kau masuk lambat!”

Jawapan yang diberikan Pak Wan membuat Pak Has terdiam. Mulutnya yang menampakkan rekahan kering yang mula berbuih terkumpul di sudut kerana tidak berhenti bercakap tiba-tiba ternganga. **Igauan** dan mimpi ngeri yang selama ini menghantui dirinya akan diberhentikan kerja satu hari nanti bagai mula menerkam dan memahaminya dari belakang. Pak Has menjengukkan kepalanya ke arah rakan sekerja yang sepertiga lebih muda daripada usianya sedang sibuk membersihkan bilik kosong yang boleh memuatkan empat lima kereta *Mercedes*. Desas-desus yang didengarinya membuat dia gundah-gulana.

“Eh Wan, aku nak tanya, kau tahu tentang mesin baharu?”

“Ya! Mesin baharu akan datang tak lama lagi.”

“Jadi...Tuan Haji jadilah beli mesin itu? Ishh...habis masa depan kita.”

“Has, Has...kalau ada rezeki kita kerja. Kalau tidak, kita duduk rumahlah.”



Pak Wan cuba mematikan perbualan dengan ketawa **sinis**. Dia tahu Pak Has pasti tidak berpuas hati. Ketawa sinisnya membuat Pak Has tidak berpuas hati lalu mengekorinya dari belakang untuk mendapatkan penjelasan bagi soalan-soalan yang mula menderu dan datang bertubi-tubi di benak fikirannya.

“Sudah Has, kata kerja kau nanti tergendala. Pergilah buat, kalau kau tak sabar suruh budak-budak itu, kau angkatlah sendiri. Ini hah!, aku nak ambil lidi di stor pun kau nak ikut?”

“Eh Wan, nanti, tunggulah, tunggulah sekejap! Aku belum habis! Kau belum jelaskan kepada aku secara khusus-khusus tentang mesin...”

“Nak jelaskan apa lagi Has? Masa makan tengah hari boleh. Ini...”

“Hah Pak Has, Pak Wan...selamat pagi. Ada mesyuarat apa ni? Serious?”

“Eh Tuan Haji! Tak ada, saya nak ke stor tolong Si Wan...”

“Hai Pak Has dah bertahun bekerja masih tidak tahu etika kerja kita? Pak Has kan pekerja contoh. Baru dapat **anugerah** syarikat. Inikan masa bekerja...kalau ya pun nak berbual, tunggulah masa rehat nanti, masa makan. Kita ini contoh kepada pekerja muda kita. Jadi buatlah kerja baik sikit.”

Celahan kata Tuan Haji tepat, padat dan menikam tajam. Renungan matanya yang melirik dari atas kaca mata yang terletak di tulang hidungnya membuat suasana bertambah tegang. Remuk di hati Pak Has bagai dipijak-pijak malu dibuatnya. Meluap-luap marahnya kerana ditegur Tuan Haji.

Apa pun, Pak Wan menarik nafas lega, kemunculan Tuan Haji Jalal, membolehkannya meneruskan langkah ke bilik stor sambil menolak troli dengan aman, tanpa gangguan dan tanpa diekori...Pak Has.

Tuan Haji Jalal segera meninggalkan ruang kerja lalu menuju ke bilik mesin baharu. Pak Has dengan rasa penuh curiga cuba mencuri jenguk dari kisi-kisi tingkap. Panel-panel televisyen digital yang berukuran 50 inci terlekat pada dinding-dinding bilik tersebut. Dia melihat beberapa orang teknisyen memasang rak-rak komputer.

Tanpa berlengah lagi, dia terjingkit-jingkit mengatur langkah pantas meninggalkan ruang legar dan segera ke ruang kerjanya. Dia tahu jika dia masih lagi tercegat di situ atau dia dilihat di situ, Tuan Haji pasti akan menyuruhnya membantu rakan-rakannya yang lain.

Setibanya di ruang kerja, Pak Has yang masih merungut tentang kerjanya yang tergendala terdiam secara tiba-tiba. Bekas-bekas plastik yang berisi daging-daging, bekas plastik berserta dengan lidi-lidi dan getah yang dimintanya daripada 'budak-budak' itu tadi sudah tersusun rapi. Semuanya menantikan kehadiran dirinya yang baharu sahaja melangkah masuk ke ruang kerja. Pak Wan pula sudah sibuk dan khusyuk dengan tugas hariannya.

"Kau ke mana? Itu hah, budak-budak yang kau tuduh-tuduh tadi dah hantar."

Pak Has merenung marah ke arah Pak Wan, dia tersinggung lagi. Biarpun ruang kerja berhawa dingin, kemarahan dan ketidakpuasan hatinya semakin meluap-luap. Sebelum ini dibahasakan Tuan Haji, sekarang ini oleh kawannya. Dendamnya semakin membengkak.



Jam di dinding menjadi musuhnya hari itu, putaran jam yang bergerak hari itu, berlalu terlalu perlahan. Tuan Haji sibuk keluar masuk ruang kerja utama dan bilik mesin baharu, sesekali beliau akan melintas masuk ruang kerja utama mereka. Tuan Haji pasti memerhatikan pekerja-pekerja menjalankan tugas.

Hari itu Tuan Haji tidak berhenti berbual di tempatnya. Ini juga membuat Pak Has berkecil hati, curiga dan marahnya bertambah. Dia berasa seperti tidak diumpamakan. Tidak dihormati.

Lamunan Pak Has terhenti seketika diganggu kehadiran Tuan Haji dan beberapa orang yang tidak dia kenali masuk ke dalam ruang bekerja mereka. Biarpun tangan digerakkan, daging-daging ditusuk lidi, telinganya mencuri dengar perbualan Tuan Haji. Dari perbualan mereka, Pak Has menjadi bertambah curiga, bertambah resah. Dari perbualan mereka, semuanya tertumpu tentang mesin yang dikatakan tidak memerlukan ramai pekerja. Terngiang-ngiang di telinganya.

“Sekarang 4000 cucuk, mesin baharu 9000 cucuk sehari pun boleh Tuan Haji!”

Pak Wan pula seperti biasa tidak langsung memandang ke arahnya. Khusyuk dengan tugas yang dilakukan sejak pulang dari bilik stor. Kegelisahan Pak Has semakin bergolak dan meluap-luap. Waktu makan nanti, terhurailah segala kekusutan.



Tengah hari itu satu Muharam, seperti biasa Tuan Haji akan menyediakan makan tengah hari. Kali ini nasi briyani yang dimasak Tuan Haji sendiri. Pak Wan, Hawa, Gayah dan rakan-rakan tersenyum riang. Setiap tahun juga, dapatlah mereka berjimat belanja. Seperti biasa nasi briyani Tuan Haji, memang sedap apatah lagi kalau percuma dan Tuan Haji akan bekalkan lagi untuk dibawa pulang.

Hanya seorang sahaja yang sedang bengkak bernanah kerana akibat rasa tidak puas hati. Perasaan marah disulam malu yang membengkam. Nasi briyani yang ditelan bagaikan butir-butir kaca yang tertusuk di kerongkongan.

“Ha! Makanlah puas-puas. Nanti bila mesin tu dah bekerja, kau Hawa, Gayah... dah tak dapat makan lagi di sini. Engkau semua kenalah cari kerja lain! Kasihan...”

“Apa maksud Pak Has? Hawa tak faham lah.”

“Kau tak tahu ke? Kita semua akan digantikan dengan mesin! Kau semua tak nampak bilik mesin yang akan menusuk daging-daging sate yang telah Tuan Haji beli?”

“Eh Pak Has, apa yang Pak Has cakap ni? Gayah tak faham.”

“Kawan-kawan oi, buka mata dan telinga besar-besar. Jangan jadi bodoh. Kalau dah ada mesin sebesar itu, kau ingat Tuan Haji nak gajikan kita semua? Kau Hawa, Gayah dan yang lain akan merempat cari kerja. Aku cuma ingatkan sahaja. Itu pun kalau kau mahu dengar. Kalau tidak mahu dengar...Hah! Makan. Makanlah lagi!”

Kenyataan Pak Has tiba-tiba membuat suasana riang menjadi suram. Hawa seorang ibu tunggal yang mempunyai dua orang anak amat bergantung dengan pekerjaan yang dia lakukan sekarang ini. Raut wajahnya mula resah. Gayah yang beranak enam terkebil-kebil. Keadaan suaminya yang lumpuh dan tidak dapat bekerja mula bermain di fikirannya. Maklumlah mereka berdua, bersekolah tetapi tidak habis. Rasa tidak menentu mula mencengkam di fikiran mereka.

Sejak peristiwa itu, suasana kerja di dalam bilik kerja utama tiba-tiba menjadi malap. Keceriaan tidak lagi dilihat pada raut wajah mereka. Perasaan tidak menentu mula dirasai. Mesin yang dinantikan akan tiba tidak lama lagi. Tuan Haji Jalal pemilik Sate Jalal kelihatan ghairah. Namun keghairahan beliau tidak dikongsi sama pekerja-pekerja pencucuk sate di syarikatnya. Semangat kerja yang hilang semakin ketara.

Pak Has semakin berani meracuni minda pekerja-pekerja tentang mesin baharu. Perbincangan hangat mereka menjadi senyap setiap kali Pak Wan ada. Suasana curiga mula dirasai Pak Wan, namun sebagai seorang yang dewasa dan waras Pak Wan menepis segala prasangka yang mula terlintas dan terkadang dapat dilihat nyata. Wajah-wajah takut dan bimbang Hawa, Gayah dan rakan-rakan jelas terpancar.

Menurut jadual, mesin yang telah mencetuskan kebimbangan akan tiba tidak lama lagi. Pak Wan mula melihat setiap kali tiba waktu rehat, mereka akan duduk berkumpul dan rancak berbual.

Bagaikan ada perbincangan hangat. Namun setiap kali Pak Wan muncul dan mahu turut sama berbual, topik perbualan sengaja ditukar sehinggakan terkadang berasa janggal mencelah perbualan Pak Has dan rakan-rakannya. Ada juga yang meninggalkan meja perbualan dengan memberikan seribu satu macam alasan.



Petang itu kereta Mercedes Merah Tuan Haji tidak kelihatan. Pekerja-pekerja pencucuk sate juga tidak kelihatan di ruang kerja masing-masing. Pak Has tidak kelihatan, begitu juga Hawa dan Gayah. Masa berehat waktu petang seperti sengaja dipanjangkan. Yang ada hanyalah Salmah yang masih tekun mencucuk sate. Daging sate ditusuk seperti ada yang mengganggu fikirannya.

“Mana yang lain Mah?”

“Saya tak tahulah Abang Wan, saya tidak mahu masuk campur! Asal saya masuk awal pagi, Pak Has dah mula asyik nak buka cerita. Bingit saya dibuatnya. Saya tidak mahu masuk campur. Saya mahu bekerja! Nak cari rezeki halal.”

“Masuk campur apa?”

“Eh takkan Abang Wan tak tahu atau pura-pura tidak tahu? Malaslah saya nak ikut sama. Tak kuasa. Bil api air dah naik, harga susu budak mahal melambung. Hutang arwah suami saya macam tak habis-habis bayar. Kalau saya tak bekerja siapa yang nak tanggung makan minum keluarga saya?”

“Eh Mah, macam ada yang tak kena. Pak Wan betul-betul tidak tahu, percayalah...”

“Er, macam mana saya nak cakap ni... er... begini...”

“Pak Has tak habis-habis dengan rasa tidak puas hatinya. Ada sahaja yang tak kena. Katanya dia ditindas, disindir, dipulau Abang Wan dan balik-balik sampai saya dia tuduh bersubahat dan tidak boleh dipercayai. Ikut sahaja telunjuk Tuan Haji. Adakah Pak Has kata saya ni macam lembu cucuk

hidung? Bodoh dan tidak dapat berfikir! Apa salah saya bantu Tuan Haji bersihkan bilik untk mesin baharu itu? ... dan Mah nak tanya Abang Wan. Betul ke kita akan dibuang kerja bila mesin baharu itu tiba dan betul ke Pak Has dianiaya?”

“Abang Wan pun tak faham Mah. Aniaya apa? Buang kerja siapa? Tentang kerja, jangan bimbanglah, Tuan Haji tidak cakap apa-apa pun. Lagi pun kau macam tak kenal Pak Wan, semua orang tak betul!”

Pak Wan mula berasa curiga lalu meninggalkan ruang kerjanya. Dari sudut tingkap bilik tersebut Pak Wan dapat melihat mesyuarat tidak rasmi yang sedang rancak berlangsung. Pak Has berkobar-kobar bersyarah. Hawa, Gayah dan dua orang lagi pekerja kelihatan serius berbincang. Pak Has memang licik menusuk jarum fitnah dan prasangka setiap kali Tuan Haji tidak ada di pejabat.

Petang itu kereta Mercedes merah tiba-tiba muncul di pejabat. Pak Wan dan Pak Has dipanggil ke pejabatnya. Tuan Haji marah-marah meminta penjelasan daripada dua orang penyelia kanan. Banyak aduan diterimanya tentang bekalan sate mereka. Isi daging tidak padat, ada yang tipis dan tidak dicucuk dengan betul.

Ada juga aduan tentang bilangan sate yang kurang dalam bungkusan. Ada juga yang memulangkan bungkusan sate yang dibeli. Katanya rosak. Menurut Tuan Haji ini tidak pernah berlaku.

Tuan Haji mahu **piawaian** ditingkatkan, masa bekerja juga perlu dipatuhi. Sewaku di pejabat Tuan Haji, Pak Has seperti biasa akan menyokong dan bersetuju dengan apa sahaja cadangan atau usulan yang diberikan Tuan Haji. Malah Pak Has juga menyokong setiap tindakan Tuan Haji terutama sekali untuk memotong gaji pekerja jika terdapat aduan tambahan masalah. Pak Wan pula kelihatan sugul. Malah, sebagai mewakili pekerja-pekerja yang lain dia meminta maaf di atas ketidaksempurnaan mereka yang tidak disengajakan dan meminta Tuan Haji menimbang semula usulan untuk memotong gaji pekerja. Pak Wan berjanji akan meningkatkan mutu kerja mereka. Pak Has tidak bersetuju. Dia mahu perkerja bertanggungjawab.

Petang itu juga Pak Wan memanggil pekerja-pekerja pencucuk sate untuk menyampaikan pesanan Tuan Haji. Pak Wan meminta kerjasama pekerja-pekerja agar mengatasi masalah yang mereka hadapi. Inilah kali pertama mereka menerima maklum balas yang negatif. Pak Wan bimbang akan nasib Hawa, Salmah, Gayah dan rakan-rakannya yang lain yang masih mempunyai anak-anak yang masih bersekolah sekiranya gaji mereka dipotong. Pak Has mula mengatur tindakan selanjutnya.

Beberapa minggu berlalu, keadaan semakin tegang. Kedai kopi yang berdekatan dengan Syarikat Sate Jalal dikerumuni pekerja Sate Jalal. Ramai juga yang hadir.

“Sudah lama kita semua dizalim! Mesyuarat diadakan berkali-kali. Tuan Haji bulat-bulat menyalahkan kita! Malah, dia tetap ugut akan potong gaji, jika ada aduan lagi.”

“Potong gaji? Tapi Pak Has, kelmarin Pak Wan tidak sebut pun tentang potong gaji. Betul kah apa yang Pak Has kata ni?”

“Hawa, Hawa. Si *Yes Man* pengecut tu? Mana dia berani cakap? Apa Tuan Haji cakap semua *Yes! Yes!*. Kau ingat aku macam dia? Kalau adanya mesin baharu Tuan Haji pasti buang pekerja. Dan kau ingat dia akan buang *Yes Man*? Ha! Engkau, engkau dan aku lah dahulu dia akan buang. Zalim!”

“Habis kita semua nak buat apa Pak Has?”

Mesyuarat tidak rasmi di kedai kopi blok 108 kelihatan rancak berjalan. Pak Has bagaikan seorang pembela nasib rakyat yang tertindas mula mengatur rancangan.

Pak Wan berasa **janggal** dengan keadaan kawan-kawannya . Sudah beberapa hari Hawa dan Gayah masih belum lagi muncul-muncul bekerja. Selalunya setiap pagi, mereka lah yang datang dahulu.

“Has, Hawa dan Gayah tidak datang lagi. Kita perlu kerja lebih sedikit.”




“Encik Ridwan. Masa bekerja saya tamat tepat pukul lima setengah petang. Yang tidak hadir Hawa dan Gayah, suruhlah mereka selesaikan masalah mereka. Kenapa pula saya yang perlu selesaikan masalah mereka?”

“Oh ya tambahan lagi! Hari ini saya cuti sebelah petang, Tuan Haji dah pun luluskan cuti saya. Kalau hendakkan bantuan apa kata Encik Ridwan panggilah budak-budak muda yang rajin-rajin. Pasti beres.”

Pak Wan kenal betul dengan perangai rakan sekerjanya yang satu ini. Hanya orang sahaja yang perlu menjaga hatinya, dia tidak sedikit pun menghiraukan keadaan orang lain. Hanya kepentingan dirinya sahaja didahulukan, kepentingan orang lain tidak pernah dia ambil tahu. Orangnya terlalu sensitif, mudah berkecil hati. Kadangkala perkara yang remeh sering dijadikan bahan untuk berkecil hati. Bukan itu sahaja, Pak Wan tahu apa sahaja yang dirasakan tidak adil, dia pasti akan menularkan kepada rakan-rakannya. Ada juga yang sampai ke telinga Pak Wan.

Ketidakhadiran Hawa dan Gayah membuat Pak Wan hairan. Sudah berkali-kali Pak Wan menghubungi mereka, namun tidak menjawab. Almari pekerja milik Hawa dan Gayah terbuka luas, kunci almarinya tergantung dan kelihatan telah dibersihkan. Petang itu, Pak Wan dipanggil Tuan Haji ke pejabat. Tuan Haji memaklumkan, Hawa dan Gayah telah mengambil keputusan untuk berhenti bekerja. Hawa mahu menjaga orang tua yang sedang sakit dan Gayah mendapat tawaran gaji yang lebih baik. Yang menjadi kemusykilan Pak Wan membaca surat mereka yang ditulis dalam bahasa Inggeris. Setahunya Hawa dan Gayah tidak fasih berbahasa Inggeris.



Mesin baharu tiba lebih awal. Pak Has semakin galak meracuni fikiran pekerja-pekerja baharu. Namun setiap kali perbualan rancak berlaku tiba-tiba terkubur setiap kali Pak Wan ada. Mesin pencucuk sate di bilik sebelah pula menakjubkan. Pak Wan hanya perlu memastikan berat daging yang mahu dicucuk, dan jumlah sate yang mahu dicucuk.

Semuanya dapat ditentukan dengan bebutang digital. Mesin tersebut akan menusuk dengan tepat, membungkus mengikut jumlah yang telah ditentukan lebih awal. Prosesnya pula dapat dipantau melalui panel-panel televisyen digital.

Tuan Haji tersejau lebar, 8000 cucuk sate dapat dihasilkan dalam masa sehari. Tuan Haji yakin permintaan pelanggan-pelanggannya dapat diuruskan dengan sempurna. Namun kegembiraan Tuan Haji dan Pak Wan bagaikan duri dalam daging bagi Pak Has. Rasa tidak puas hatinya bagaikan api yang disiram minyak. Semakin meluap-luap. Mesin yang digeruni telah beroperasi selama 4 bulan. Tiada seorang pun pekerja Sate Jalal yang diberhentikan kerja. Pendek kata, perubahan memang berlaku tetapi diterima pekerja-pekerja dengan baik, dengan tangan terbuka kecuali seorang.

Pesanan semakin bertambah, berita Sate Jalal mendapat kontrak membekalkan sate kepada sebuah hotel enam bintang tersiar di dada-dada akhbar dan media sosial utama mengejutkan komuniti perniagaan Melayu di tanah air. Namun, hari itu keadaan di kilang tidak semeriah di media massa. Mesin pencucuk sate sudah beberapa kali cuba dihidupkan Pak Wan namun tidak berjaya. Yang nyata mesin tersebut terputus bekalan elektrik pada jam 6.00 pagi seperti yang tertera pada panel televisyen mesin tersebut. Biarpun bilik berhawa dingin, peluh panik Pak Wan jatuh menderu seperti air hujan. Syarikat pembekal mesin pencucuk sate telah dihubungi. Seorang jurutera dihantar untuk menyelesaikan masalah dengan segera.

Di dalam bilik kedap udara, Pak Wan dihadapkan dengan satu lagi masalah yang perlu diselesaikan. Berita yang diterimanya membuat dia terkejut. Pak Has mahu meletakkan jawatan. Pak Has khabarnya telah bertemu dengan Tuan Haji untuk menyampaikan hasratnya. Tiada alasan yang diberikan kepada Tuan Haji.


Menurut rakan-rakannya Tuan Haji juga ada meminta Pak Has mempertimbangkan keputusannya. Tuan Haji mahu Pak Has memikirkannya masak-masak. Memikirkan masalah yang melandanya satu demi satu, membuat Pak Wan terduduk seketika. **Kerunsingan** di kepalanya bagai dihentak-hentak. Masalah demi masalah yang melandanya bagaikan membenam dirinya ke dalam lumpur panas.

Ketibaan juruteknik mesin pencucuk sate bagai memberikan nafas kehidupan kepadanya. Pak Wan menjelaskan apa yang telah dia dan pembantunya cuba lakukan. Sama seperti yang telah disarankan dalam buku panduan mesin, sama seperti yang diarahkan juruteknik dalam talian. Mesin pencucuk sate masih lagi tidak memberikan respons. Hampir satu jam Pak Wan terpaksa berhadapan dengan mesin yang tidak bergerak. Dia hanya mampu memerhatikan jurutera melakukan percubaan demi percubaan tetapi gagal.

“Encik Ridwan. Ini puncanya!”

Punca kerosakan telah ditemui. Wayar bergelang besi yang menjadi nadi kepada mesin telah dipotong. Pak Wan dengan pantas bergegas ke bilik komputer Syarikat Sate Jalal. Saat demi saat rakaman CCTV yang dipantaunya. Memang di dalam bilik mesin tiada kamera CCTV, namun Pak Wan mencuba nasib memantau kamera yang telah lama dipasang di luar bilik tersebut.

Saat demi saat rakaman video dipantau, mata Pak Wan tidak sekali pun berkelip memantau keluar masuk pekerja syarikat mereka. Tepat jam 5.50 pagi, seorang pekerja melangkah masuk ke bilik tersebut. Suspek tidak sepatutnya berada di situ. Pak Wan kenal betul dengan orangnnya. Susuk badannya, cara jalannya. Suspek melakukan kerja **khianat** ini selama sepuluh minit.



Keesokan harinya suspek pertama dipanggil ke pejabat. Tuan Haji seperti biasa kelihatan tenang. Tuan Haji harus bersikap objektif. Suspek pertama keluar dengan airmata yang berguguran setelah berada selama lebih 40 minit. Suspek masuk kembali dengan membawa sesuatu. Kali ini, suspek terus meninggalkan pejabat Tuan Haji.

Suspek yang kedua dipanggil...

“Saya tidak ada kena-mengena dalam hal ini! Bukan saya yang buat! Kenapa pula Tuan Haji tuduh-tuduh saya?”

“Beginilah, sebenarnya saya tahu dalang di sebalik musibah ini. Saya kesal dengan perbuatan Si dalang. Batu dilempar, tangan disembunyi. Awak kan pekerja yang pernah menerima **anugerah** pekerja cemerlang dan pekerja contoh. Apa dah jadi?”

“Saya tak faham. Apa salah saya Tuan Haji tuduh-tuduh saya?”

“Cuba lihat tupai di luar kilang kita. Usah jadi tupai...sepandai mana pun dia melompat, ke tanah juga dia berlari. Bila batu sudah dicampak, tangan tak boleh disembunyi...orang nampak... Insaflah, Allah pun melihat sama.”

“Saya tak faham. Apa yang Tuan Haji cakap ni?”

“Beginilah, Haslim saya tahu tentang mesyuarat di kedai kopi 108, saya tahu siapa yang menusuk racun dalam minda pekerja saya ...awak tidak sedar saya ada di situ.”

“Orang yang sama yang jalankan jarum...orangnya licik, orang yang sama juga yang sanggup mengarang dan menaipkan surat berhenti kerja Hawa dan Gayah. Selepas itu dia buat tidak tahu. Sudahlah janganlah batu dilempar, tangan disembunyi. Tidak baik.”

“Satu lagi, Salmah kirim salam. Salmah telah saya berhentikan kerja tadi, hutang arwah suaminya pun telah saya bayar sepenuhnya. Tidak tergamak saya hendak melaporkan kepada polis. Saya maafkan dia. Nah, ambil balik alat pemotong wayar dan wang \$300 yang awak jadikan hadiah. Salmah sudah menceritakan segala-galanya!. Awak memang licik! Tusukan beracun awak kali ini cukup mendalam!”

Mata suspek terbeliak. Nafasnya **tercungap-cungap**. Tangan kanannya seperti mengurut-urut dadanya seperti manahan kesakitan. Suasana pejabat Tuan Haji menjadi gamat. Suspek kedua rebah. Pak Wan hanya mampu menenangkan keadaan.

“**Mengucap** Has, mengucap. Sekejap lagi ambulans tiba...mengucap Has.”

- Selesai -

Glosari



anugerah – hadiah atau pemberian daripada orang yang lebih tinggi atau besar darjatnya.

igauan – perkataan atau cakap yang bukan-bukan; impian

janggal – tidak sedap dilihat, canggung, tidak selaras

kerunsingan – perihal atau keadaan atau rasa runsing atau risau

khianat – perbuatan yang jahat bertujuan untuk mendatangkan kecelakaan

mengucap – menyebut atau melafazkan kata, dalam hal ini melafazkan syahadah.

penyelia – orang yang mengawas atau menyelia sekumpulan pekerja

tercungap-cungap – bernafas kencang kerana kepenatan.


tergendala – tidak dapat diteruskan; terhalang

sinis – bersifat mengejek atau bersifat menyindir

Camuk

Muhammad Farid Mohd





Biodata Penulis



Muhammad Farid Mohd

Cikgu Muhammad Farid Mohd mula mengajar pada tahun 2014. Beliau kini bertugas di Sekolah Gan Eng Seng. Beliau menulis cerpen kerana mahu menyuarakan pandangan beliau tentang isu-isu masyarakat. Penulis kegemaran beliau ialah penulis tempatan Isa Kamari.

Bip... Bip... Bip...

Bunyi dari bingkai **pengesan** logam berbunyi. Sepantas kilat aku melarikan diri tanpa menghiraukan kamera litar tertutup yang terletak di sudut pintu keluar. Aku merempuh apa sahaja yang menghalang larianku.

“Berhenti! Berhenti!” pekik pemuda itu sambil lari termengah-mengah.

Aku dikejar oleh seorang pemuda **tambun** yang baru melepaskan pam minyak daripada genggamannya. Aku terus menaiki anak tangga hingga ke tingkat teratas. Kelibat pemuda tambun itu tidak kelihatan lagi. Tubuhku basah kuyup bermandian peluh. Debar jantungku memukul dada kerana takut jika ada orang lain yang mengekoriku. Aku menarik nafas lega lalu melabuhkan punggungku di anak tangga sambil melahap roti yang kubawa lari tadi. Sejak semalam, aku belum makan tengah hari. Semua panggilan telefon tidakku jawab. Jiwaku dibungkus kesedihan. Hatiku pula digodam keresahan. Dadaku sebak bagaikan terisi air sampai ke tenggorok. Hatiku tidak dapat lagi menahan kesengsaraan ini. Air jernih merembes keluar dari kelopak mataku lalu gugur satu persatu. Ingatanku pada peristiwa itu berputar satu demi satu di kotak fikiranku.



Namaku Halizah Binte Jumari. Aku merupakan pelajar Menengah tiga. Umurku enam belas tahun. Bapaku seorang juruterbang *Singapore International Airlines* (SIA). Ibuku pula seorang suri rumah sepenuh masa. Aku pernah tinggal di sebuah rumah teres mewah di Mount Sinai Avenue. Namun, kenikmatan itu hilang apabila bapaku terkorban dalam nahas jalan raya semasa dia dalam perjalanan pulang dari Stadium Larkin, selepas menghadiri majlis pelancaran jersi pasukan bola sepak Johor Darul Ta'zim. Keretanya dirempuh oleh lori pembancuh simen di Jalan Tun Abdul Razak. Dengan sekelip mata, keluargaku hilang mata pencarian. Ibuku terpaksa menjual rumah teres dan berpindah ke rumah tiga bilik di Telok Blangah. Dua tahun kemudian, ibu **dijabkulkan** dengan Pakcik Nazri. Pakcik Nazri merupakan kekasih lama ibu semasa mereka belajar di Politeknik

Singapura. Sebenarnya, percintaan ibu dan Pakcik Nazri dilarang oleh arwah nenek. Arwah nenek sudah mempunyai calon suami yang lebih baik iaitu ayah kandungku Jumari bin Hamdan. Kini, Pakcik Nazri bekerja sebagai seorang kerani di pejabat kelab bola sepak Woodlands Wellington. Setelah hampir lima belas tahun berpisah, akhirnya Pakcik Nazri muncul kembali dalam hidup ibu. Aku sangkakan Pakcik Nazri seorang lelaki yang dapat menggantikan kasih sayang seorang bapa yang sudah lama kudahagakan. Namun, aku silap...

Pada hari itu, aku dikejutkan dengan satu insiden yang benar-benar meninggalkan kesan dalam hidupku. Pakcik Nazri yang sudah bergelar bapa tiriku menampar muka ibu tanpa belas kasihan.

Disebabkan tamparan itu, ibuku terjatuh dan terlantar di atas lantai. Mukanya pucat lesi bagaikan ditoreh tiada berdarah.

“Seratus dolar sahaja! Siang malam engkau bekerja! Mana duit gaji, engkau?” tengking Pakcik Nazri.

Belum sempat ibuku menjawab soalan itu, bapa tiriku menendang badan ibu beberapa kali. Ibuku meraung kesakitan. Aku menutup kedua-dua telingaku dengan bantal. Aku tidak sanggup mendengar jeritan ibu. Aku tidak sanggup melihat keganasan yang menghantui kehidupanku. Kata-kata yang keluar dari mulut bapa tiriku sungguh tidak menyenangkan telinga yang mendengar. Mengapakah perkara ini harus berlaku? Apakah dosa-dosa aku sehingga aku terpaksa melalui kesengsaraan ini? Aku berkata-kata sendiri sambil **mengusap** air mata yang mengalir ke pipi. Air mataku tumpah dari kolam mataku semakin deras memikirkan tentang kehidupan kini yang tidak tentu arah bagai dirempuh **puting beliung**. Inilah pertama kali aku melihat bapa tirinya berkelakuan ganas sejak tiga bulan mendirikan rumah tangga. Rasa hormat padanya sudah hilang. Setiap kali dia kalah judi, dia akan meminta ibuku duit. Layanan Pakcik Nazri terhadap ibuku telah cukup membangkitkan sejuta rasa benci dan dendam terhadap kaum Adam. Rupa-rupanya, Pakcik Nazri seorang lelaki yang zalim dan tidak berhati perut. Setiap kali dia dalam kesempitan wang, ibuku akan menjadi mangsa keganasan.

Tidak secara langsung, keadaan di rumah telah membawa kesan psikologi kepadaku. Aku sukar untuk memberi perhatian di sekolah. **Prestasiku** dalam akademik semakin merosot. Aku gagal dalam peperiksaan akhir tahun. Aku terpaksa mengulangi menengah tiga pada tahun ini. Kadangkala aku tidak mempunyai selera untuk makan. Aku mula berasa cemburu terhadap kawan-kawanku yang mempunyai keluarga bahagia.



Setelah beberapa kali perkara ini berlaku, akhirnya ibu mengambil keputusan untuk membuat permohonan Perintah **Perlindungan** daripada Mahkamah **Pengadilan** Keluarga. Setelah diberi amaran oleh mahkamah, Pakcik Nazri tidak berani memukul ibu lagi. Di bawah Seksyen 65 (8) Piagam Wanita, Pakcik Nazri boleh dipenjarakan maksimum enam bulan atau didenda sebanyak \$2,000 atau kedua-duanya sekali jika dia didapati bersalah melanggar Arahan Perintah Perlindungan. Baru aku tahu, seseorang itu tidak perlu mendapat khidmat peguam untuk meminta permohonan Perintah Perlindungan.

Semalam aku pulang awal dari sekolah. Semasa dalam perjalanan pulang ke rumah, telefon bijakku terlepas daripada genggamanku dan jatuh ke lantai. Disebabkan oleh hentakan yang kuat, skrin telefon bimbitku retak. Aku terdiam seketika. Adakah ini satu petanda tidak baik akan berlaku? Fikiranku dirasuk soalan yang bukan-bukan. Setibanya aku di depan rumah, aku mendapati pintu rumahku tidak dikunci dan dibiarkan pintu rumah terganggu sedikit. Kasut bapa tiriku ada di anak tangga. Mengapakah dia pulang awal hari ini? Adakah dia mengambil cuti pada hari ini? Perasaan bimbang mula menyerang jiwaku. Selalunya dia akan pulang lewat dari kerja. Ibuku pula masih belum pulang ke rumah.

Aku membuka pintu rumah. Aku terkejut apabila aku melihat bapa tiriku tercegat di luar pintu bilikku.

“Ayah tidak bekerja hari ni?” tanyaku.

“Tidak, Halizah. Ayah kurang sihat hari ini,” kata bapa tiriku sambil mengukir senyuman kambing sementara matanya meratahi wajah dan menjilati tubuhku yang gebu dengan rakus. Tiba-tiba, bapa tiriku menampar pipiku. Belum sempat aku menepis, dia sudah pun menarikku ke dalam dakapannya. Aku cuba melepaskan diriku tetapi cengkaman di pergelangan tanganku sungguh kuat. Aku menggeletar ketakutan. Inikah nasibku? Rupa-rupanya, ayah berbohong. Dia berpura-pura sakit. Perkara ini telah dirancang rapi oleh bapa tirinya. Aku menjerit dan meronta sekuat hatiku. Lelaki itu seperti kehilangan akal. Aku menggigit tangannya. Dia mengerang kesakitan lalu melepaskan tanganku.

Aku mencapai **seterika** yang terletak di atas papan gosok baju lalu menghayunkannya ke muka bapa tiri. Dia terbaring di atas lantai sambil menutup mukanya. Dengan segera, aku mencapai beg sekolahku lalu meninggalkan rumah itu.



“Kring ...”

Aku tersentak daripada lamunan. Aku terbaca mesej daripada ibuku:

Halizah, di mana kamu berada, ibu berharap Lizah datang ke Hospital Besar Singapura dengan segera. Pakcik Nazri berada di wad 5. Sudah berkali-kali ibu menelefon Lizah. Jangan bimbang, Lizah. Pakcik Nazri sedia memaafkan Lizah. Pakcik Nazri telah menjelaskan segala-galanya kepada ibu. Ibu tahu Halizah masih mempunyai perasaan dendam terhadap Pakcik Nazri. Percayalah. Dia sudah berubah. Jangan pula Lizah mencederakan Pakcik Nazri semata-mata untuk membalas dendam lama.

Ahad, 2 Okt, 8.45 malam

Mengapakah perkara ini berlaku? Haruskah aku berterus terang kepada ibu? Mengapakah ibu termakan kata-kata Pakcik Nazri? Apakah harus aku lakukan sekarang? Mungkin ibu benar-benar percaya bahawa Pakcik Nazri sudah berubah kerana sejak Perintah Perlindungan dikuatkuasakan, keganasan rumah tangga tidak berlaku hampir setahun. Tidak mungkin aku pulang ke rumah itu. Rumah itu tidak selamat untukku lagi. Sehingga kini, aku dapat merasai darah-darah kepedihan mengalir di hatiku yang luka. Kini ibuku seolah-olah menyebelahi lelaki itu. Peperiksaan akhir tahun akan bermula esok. Jika aku membuat keputusan untuk terus menghilangkan diri, markah peperiksaan aku akan terjejas teruk. Haruskah aku pergi ke sekolah esok untuk melaporkan perkara ini? Mungkin pihak sekolah sudah tahu yang aku telah lari dari rumah. Mrs Wong, guru kelasku, sudah tiga kali menelefonku tadi pagi kerana aku tidak datang ke sekolah. Aku mengambil risiko untuk tidur di Telok Blangah Hill Park semalam. Aku sedar bahawa berteduh di tempat awam juga tidak selamat bagi anak dara seperti aku. Aku tidak mahu mengambil risiko lagi.

Sudah pukul sembilan malam. Aku harus bertindak secepat mungkin. Memandangkan ibuku masih menyebelahi Pakcik Nazri, aku membuat keputusan untuk memberitahu perkara ini kepada dua orang yang aku boleh percayai. Dengan segera aku mengambil swafoto dan hantar gambar itu kepada Mrs Wong dan kawan rapatku, Farah. Aku tunjukkan bibirku yang masih luka disebabkan tamparan kuat oleh Pakcik Nazri kepada mereka. Kemudian, aku pergi ke rumah Farah yang tidak jauh dari blok yang aku bersembunyi.

“Halizah, kita akan buat laporan polis. Esok, saya akan pergi ke sekolah untuk berjumpa dengan pengetua sekolah. Saya akan menghubungi ibu kamu tentang perkara ini,” kata Pakcik Farhan, bapa kepada Farah.


Aku terdiam seketika. Dadaku mula berombak-ombak. Aku serba-salah. Baru tadi aku telah mencuri roti dari Star Mart, sebuah kedai serbaguna di stesen minyak Caltex. Mungkinkah aku akan ditahan polis? Jiwaku tidak tenteram. Mukaku mula pucat. Kini hatiku tergerak pula untuk lari dari rumah ini.

“Mengapa, Halizah? Engkau nampak risau sahaja?” tanya Farah.

“Farah, aku takut. Aku takut polis akan menahan aku jika mereka dapat tahu yang aku telah mencuri roti tadi,” kataku dengan suara yang terketar-ketar. Jantungku berdegup kencang bagaikan pukulan ombak.

“Jangan bimbang, Farah. Engkau jelaskan kepada pihak polis tentang perkara yang sebenar. Mungkin, mahkamah akan membuat pertimbangan selepas engkau memberi keterangan. Engkau harus menyelesaikan masalah ini. Engkau tidak boleh melarikan diri buat selama-lamanya. Engkau harus berdepan dengan masalah ini dan menyelesaikan masalah ini dengan berhemah. Jangan lupa caj telefon bimbit engkau sekarang,” jelas Farah sambil mendakapku. Aku hanya mengorak senyuman yang sederhana.

Pada malam itu juga, ibu bapa Farah membawa aku ke klinik untuk mendapatkan pemeriksaan kesihatan dan rawatan luka di bibirku. Farah telah menunjukkan gambar **swafoto**ku kepada pihak polis sebagai bukti. Selepas menjalani rawatan, aku dibawa ke balai polis kejrangan Telok Blangah. Dua jam kemudian, ibuku tiba di balai polis. Aku mendakap ibu sekuat-kuatnya. Dapat kurasakan kehangatan tubuhnya. Aku menutup mataku dan membiarkan kehangatan dakapannya berlegar sebelum ia pudar. Kelompok mataku dibanjiri dengan air mata. Pakcik Nazri boleh dikenakan tuduhan mencabul kehormatan perempuan bawah umur. Dia juga boleh dikenakan hukuman penjara dua puluh tahun dan sepuluh sebatan.



“Halizah, ibu meminta maaf kerana menuduh Lizah sengaja mencederakan Pakcik Nazri. Sebenarnya, ibu sudah melihat rakaman video ketika Pakcik Nazri cuba membuat perkara tidak baik terhadap Lizah. Ibu telah memasang kamera intip di celah rak buku. Ibu sengaja merahsiakan perkara ini.

Ibu terlupa tentang kamera tersebut. Namun, ibu tergerak hati untuk melihat rakaman video tersebut. Ibu akan menyerahkan rakaman video itu kepada pihak polis, ” kata ibuku sambil mengesat air mata.

Aku mendapak ibuku lagi tanda aku memaafkan ibu. Sambil aku mengesat air mata, aku menanamkan suatu tekad. Sebagai manusia kita harus sentiasa sabar menghadapi dugaan hidup.

“Buat masa ini, saya mengizinkan Halizah untuk bermalam di rumah saya. Kini polis masih mencari Nazri. Dia menghilangkan diri sebelum polis tiba untuk menangkapnya di hospital tadi,” kata Pakcik Farhan.

Sudah pukul dua pagi. Aku masih berada di balai polis. Esok merupakan hari peperiksaan Bahasa Melayu Kertas 1. Aku akan memilih soalan naratif. Mungkin aku akan mengarang cerita tentang apa yang telah berlaku dua hari yang lalu walaupun jalan cerita itu tidak menepati kehendak soalan.

- Selesai -

Glosari

dijabkabulkan – bernikah

mengusap – mengesat; menggosok perlahan-lahan dengan tangan

pengadilan – keputusan yang dicapai setelah mengadili sesuatu

pengesan – alat atau sesuatu yang digunakan untuk mengesan sesuatu

perlindungan – memohon pertolongan dengan orang lain dengan tujuan untuk bersembunyi di suatu tempat supaya tidak kelihatan

prestasi – mutu yang diperolehi dalam menjalankan sesuatu tugas

puting beliung – angin yang kencang yang dapat menumbangkan bangunan dan tumbuh-tumbuhan

seterika – alat menggosok baju

swafoto – satu bentuk fotografi potret sendiri biasanya diambil dengan menggunakan kamera digital yang dipegang dengan tangan sendiri.

tambun – gemuk



Gelora

Noraishah Mostapa



Biodata Penulis



Noraishah Mostapa

Cikgu Noraishah Mostapa mula mengajar pada tahun 1993. Beliau kini bertugas di Sekolah Menengah Meridian. Beliau menulis kerana hobi dan ingin menyampaikan mesej kepada pembaca terutama golongan remaja. Penulis yang beliau gemari ialah A Samad Said dan Khadijah Hashim.

Namaku Nur Insyirah Nadhirah Binte Hamdani. Abah dan Mak memberi nama itu kepadaku kerana ia membawa maksud yang baik. Dalam bahasa Arab, Nur itu cahaya. Insyirah pula bererti kegembiraan sementara Nadhirah membawa maksud berseri-seri. Namun nama yang begitu indah maknanya... telah aku **cemarkan** dengan perangai burukku. Namaku tak setara dengan akhlakku.

“Abah! Abah! Jangan tinggalkan Syirah. Syirah perlukan Abah. Mak! Mak! Mak, jangan ikut Abah! Mak! Abah!” aku meraung raung sehingga aku dikejutkan oleh sahabat sebilik ku, Diana.



“Kau ni dah kenapa? Menjerit-jerit macam disampuk hantu,” terjah Diana menyedarkan aku yang baru sedar dari mimpi yang mengerikan.

“Diana, aku anak derhaka. Ya Allah, aku anak derhaka ! Derhaka pada Mak dan Abah,” aku menangis sambil aku memeluk Diana yang kelihatan bingung melihat gelagatku.

“Ya ampun Syirah... Kau tak habis-habis mengigau. Sudah pasti kau tidur tak basuh kaki,” kata-kata Diana **membangitkan** gegandang telingaku.

“Sudahlah jangan asyik membebel pagi-pagi ini. Baru aku nak tangkap *mood* untuk menghadiri kuliah psikologi Prof. Dr. Asyraf. Ni kau dah matikan *mood* aku. Aku tarik selimut lagi baik,” jerkah aku sambil menarik selimut menutup mukaku. Haizzz nampaknya aku akan ponteng kelas lagi pagi itu.

Diana yang tidak berdaya memujuk aku ke kelas pagi itu terus meninggalkan aku sendirian di bilik hostel ku. Aku cuba lelapkan mata untuk sambung mimpiku namun mata ku ini enggan lelap. Aku menatap ke siling dan mindaku menerawang dan nampak penuh kekosongan. Kata-kata aku anak derhaka terngiang-ngiang di gegandang telingaku. Aku tahu keputusan aku telah mengguriskan hati Abah dan Mak. Namun aku tiada pilihan kerana aku tahu itu satu keputusan yang terbaik buat aku sejak aku terjumpa Sijil Kelahiran aku beberapa hari yang lalu.

“Huh... Nur Insyirah Nadhirah Binte Abdullah. Tarikh lahir 4hb September 2001. Nama tu macam nama aku. Tarikh lahir pun sama. Tetapi kenapa aku dibintekkan Abdullah. Kan nama Abah ialah Hamdani. Sepatutnya nama aku Nur Insyirah Nadhirah Binte Hamdani,” aku membaca penuh teliti setiap perkataan yang tertera di atas Sijil Kelahiran itu yang aku jumpa di bilik Abah Mak semasa aku sedang membersihkan bilik Abah Mak pada petang Sabtu lalu. Aku kebingungan.

“Siapa Abdullah? Sijil Kelahiran siapa yang aku jumpa itu,” aku masih bingung memikirkan Sijil Kelahiran yang aku jumpa tadi.

“ Apa hal ini. Belum habis-habis termenung dari tadi. Sampai matahari menegak pun kau masih di alam mimpi ke? Cepat makan. Aku hendak ke perpustakaan sekejap lagi. Kalau kau nak ikut, cepat makan. Tapi kalau kau nak termenung berangan bagai.... kau duduklah kat sini k,” kata-kata Diana tidak sedikit pun memberi kesan kepada aku.

Aku seolah-olah sudah lali dengan **bebelan**nya itu. Aku tahu setiap bebelannya itu membuktikan nilai persahabatan dan nilai kasih sayang antara aku dan Diana sejak kami sama-sama masuk di Pusat Pemulihan Kanak-Kanak Nakal Tampines. Aku dimasukkan ke sini kerana membelasah seorang pelajar sekolah kejirananku akibat kes tenung menenung. Nasib baik pelajar yang aku belasah itu masih hidup. Jika tidak, pasti aku ke tali gantung. Selepas ke pusat ini, aku akan dimasukkan ke penjara juvenil selama tiga tahun.

“Padan dengan muka aku. Nak sangat jadi samseng. Nak tunjuk *terror* konon. Dah masuk dalam baru aku tahu tinggi rendah langit itu. Aku bagai harimau kehilangan kukunya. *Terror* lah sangat,” aku tersenyum sendiri memikirkan kebodohan aku.

Di pusat **pemulihan** kanak-kanak nakal Tampines ini banyak mengajar aku erti kehidupan yang sebelum itu aku tidak pernah menghargainya. Abah dan Mak seperti pegawai suruhan peribadi aku. Aku gadis liar dan Abah Mak aku buat seperti tunggul. Setiap langkahku gagal ditahan Abah Mak. Rumah Abah Mak macam hotel di mana bila-bila masa aku nak balik, aku baliklah.

“Abah Mak bangun lah. Bangun... Jangan tinggalkan Syirah. Syirah minta maaf. Syirah janji Syirah tak akan buat lagi dan Syirah akan jadi baik. Tolonglah bangun. Abaaaaahhh.... Maaaakkkkk!” aku terus meraung tatkala melihat dua tubuh terbaring berlumuran darah kerana ditikam oleh kumpulan samseng yang berdendam dengan aku kerana dituduh merampas kekasih salah seorang dari anggota mereka.

“Sabar Zakiah. Bawa bertenang. Aku tidak merampas kekasih kau. Aku dengan Yusman hanya kawan biasa sahaja. Tak lebih daripada itu. Kau jangan termakan dengan **fitnah** yang cuba meruntuhkan persahabatan kita ini. Kau kan teman sekelas aku.” Aku cuba tenangkan Zakiah yang seperti singa lapar namun sia-sia.

Zakiah yang pada ketika itu memegang sebilah pisau seolah-olah dirasuk syaitan telah bertindak di luar jangkaan aku. Kebetulan, Abah Mak baru pulang berbelanja dari pasar raya Giant. Abah Mak cuba menenangkan Zakiah. Tetapi malang tidak berbau. Kata-kata pujukan Abah Mak seperti minyak tanah yang menyemarakkan lagi api kemarahan Zakiah. Tanpa disedari, Zakiah



melibaskan pisau yang digenggamnya ke arah Abah Mak yang cuba menyelamatkan aku, anak tunggal mereka. Percikan darah mereka membuat keadaan sekeliling aku menjadi gelap.

“Abah Mak. Apa ini? Siapa Nur Insyirah Nadhirah Binte Abdullah? Jawab lah!” terjahan kata-kata aku membuat mulut Mak **melopong** dan Abah mengurut dada.

“Apa yang Syirah cakap ni, Nak. Abah tak faham. Nama Syirah kan Nur Insyirah Nadhirah Binte Hamdani,” Abah cuba jelaskan dengan suara yang tenang namun dari raut wajah Abah, aku tahu Abah Mak menyembunyikan sesuatu.

“Jangan bohong lah. Ni apa ni? Sijil kelahiran siapa yang Syirah jumpa di bilik Abah Mak ini. Siapa Nur Insyirah Nadhirah Binte Abdullah! Kalau Abah Mak tak nak jawab, Syirah keluar dari rumah ini dan jangan cari Syirah lagi,” aku cuba **menggertak** Abah Mak. Iblis mana dah menguasai otak ini sampai aku hilang pertimbangan.

Pertimbangan seorang anak yang dulunya sangat menghormati Abah Mak dan aku ditatang bagai minyak yang penuh. Aku juga tidak pernah mengguriskan perasaan mereka. Namun, hari ini aku bagai gunung berapi yang baru meledak mengeluarkan laharnya. Aku bertindak di luar rasa simpati. Aku seolah-olah lupa jasa Abah Mak yang sudah menjaga aku sehingga aku menjadi gadis remaja yang bebas sebebaskan burung berterbangan.


Sejak pertelingkahan itu, aku keluar rumah. Aku semakin hanyut jauh. Aku mula rapat dengan remaja lepak di kolong blok aku. Setiap hari, kami melepak sambil bermain gitar hingga senja mula menjelang. Aku mula malas ke sekolah kerana setiap kali cikgu-cikgu melihat muka aku. Aku mula disembur dengan kata-kata yang **menggoreskan** perasaan aku. Bagi aku, sekolah itu seperti neraka

yang dipenuhi makhluk-makhluk yang menyakitkan hati. Lebih nikmat bersama-sama teman-temanku yang bagi aku sentiasa buat aku tersenyum dan aku peroleh syurga kerana bersama mereka, melepak dan bergurau tanpa arah tuju. Masa persekolahanku terbang begitu sahaja.

“Aku akan balas setiap titisan darah Abah Mak yang jatuh ke bumi. Aku cari kau, Zakiah. Kau tunggu aku,” getus hati kecil ku tatkala melihat sepasang tubuh melintangi ruang tamu rumah teresku dan ditutupi kain suci berwarna putih. Tanggal 6hb April 2017, aku menjadi anak yatim piatu dalam sekelip mata.

Selepas jasad Abah Mak selamat dikebumikan, matak **berlingas** mencari kelibat Zakiah. Di tanganku tergeggam sebilah pisau lipat sedang kehausan air merah dari tubuh Zakiah. Aku menunggu dengan penuh sabar. Setiap langkah harus bijak supaya apa yang diharapkan akan tercapai. Namun, kita manusia kerdil hanya mampu merancang malah Allah jua yang menentukan segalanya.

Terlihat kelibat Zakiah, seperti ada kuasa semberani, aku mula menyerang dan menerkam seperti seekor harimau kelaparan. Pisau lipatku tertusuk ke tubuh Zakiah. Zakiah yang diserang hendap olehku pun rebah ke bumi. Aku berasa puas melihat darah mengalir dari tubuhnya.



Aku terus melarikan diri. Namun, seandainya-pandai tupai melompat, pasti akan jatuh akhirnya. Rakaman kamera CCTV yang dipasang di kolong blok telah dapat merakamkan adegan nekadku meragut nyawa Zakiah.

Akhirnya aku diberkas. Oleh sebab aku di bawah umur, aku dimasukkan ke Pusat Rehabilitasi selama dua tahun sebelum aku dihantar ke penjara di atas jenayah menjadi seorang pembunuh. Tangan mencancang, bahu memikul. Berani buat berani tanggung. Ikut hati mati, ikut rasa binasa. Aku menongkat langit. Di saat ini, aku tidak ada sesiapa. Hanya Allah yang menjadi tempat aku mengadu nasib dan mendapat ketenangan hakiki.

Sudah hampir lima tahun aku mensia-siakan zaman remajaku kerana tindakan aku yang bodoh dan ikut perasaan. Darah muda katakan. Tanggal 3 Oktober kini, aku dibebaskan lebih awal. Aku mendapat keampunan Presiden dan terlepas dari hukuman tali gantung kerana rekod baik aku sepanjang tempoh hukuman.

“Alhamdulillah. Terima kasih Presiden Halimah Yaakob,” aku masih kebingungan dan seolah-olah tidak percaya bahawa Presiden sekarang ini ialah seorang berbangsa Melayu dan seorang

wanita. Aku bagaikan katak di bawah tempurung dan seolah-olah terpisah dari dunia dan berada di alam asing sejak berada di pusat tahanan.

Di depan pintu penjara aku berjanji tidak akan menjejakkan kaki aku ke tempat neraka itu lagi. Kini aku bebas bagai burung-burung bebas berterbangan ke awan semesta alam. Aku melangkah longlai dan tak tahu harus ke mana. Tidak jauh dari tempat aku berdiri, kelihatan seorang anak perempuan kecil sedang makan aiskrim. Teringat aku pada Abah Mak yang tidak pernah menghampakan permintaan aku yang gila aiskrim. Pantang dengar loceng sang penjual aiskrim, pasti aku minta Abah Mak membelikannya.

Aku menahan teksi dan diminta membawa aku ke Pusara Abadi Choa Chu Kang. Sungguh hening kawasan pusara dan tidak ramai orang. Tidak seperti di pagi Hari Raya, perkarangan pusara berubah menjadi medan pesta kepada para pengunjung. Aku membeli dua ikat bunga orkid dan air mawar serta kain putih. Setibanya di pusara Abah Mak yang kebetulan dikebumikan bersebelahan antara satu sama lain, perasaan pilu menikam kalbu. Tak tertahan butiran-butiran mutiara yang menghiasi pipi aku. Aku sedekahkan surah Al-fateha dan surah Yaasin kepada arwah Abah Mak. Itu sahaja yang mampu aku berikan. Doaku semoga arwah Abah Mak ditempatkan dalam kalangan kaum syuhada dan penghuni syurga. Semoga segala dosa diampunkan Allah swt. Abah Mak telah cuba mendidik aku, Cuma aku yang bodoh yang tidak pernah menghargainya sehingga Allah menarik kenikmatan kasih sayang Abah Mak daripada aku di saat aku amat memerlukan mereka.

“Abah Mak.... Syirah datang ni. Maaf kerana hampir 5 tahun Abah Mak bersemadi di sini. Baru hari ini Syirah datang melawat. Damailah Abah Mak di sana dan jangan risau, Syirah akan cuba jaga diri. Walaupun persoalan sijil kelahiran Nur Insyirah Nadhirah Binte Abdullah belum terjawab. Syirah akan cuba menjejaki misteri di sebalik sijil kelahiran itu. Maafkan Syirah. Terima kasih Abah Mak kerana menjaga Syirah selama ini. Rumah teres dua tingkat itu benar-benar membuktikan kasih sayang Abah Mak kerana semua harta milik Abah Mak dibubuhi nama aku sebagai penerima **waris** mutlak.

Banyak kenikmatan Allah kurniakan kepada Syirah. Cuma Syirah sahaja yang tidak hargai. Syirah pergi dulu. Nanti senang Syirah datang lagi,” sambil menjirus air mawar ke atas pusara diiringi doa, aku melangkah pulang.

Setiap langkah melungsuri pusara memberi seribu keinsafan kepada aku yang diberi peluang untuk hidup. Peluang kedua ini tidak akan aku sia-siakan.

Ya memang benar jika seseorang meninggal dunia, maka terputuslah amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariyah, ilmu yang dimanfaatkan dan doa anak yang solehah. Terimbas kata-kata nasihat Abah sewaktu pulang dari solat terawih di masjid Al Ansar pada bulan Ramadan ketika aku masih di sekolah rendah.



Aku berjanji akan menjadi anak yang solehah. Lirik lagu Demi Masa menyentuh sanubari yang berbunyi , “Ingat 5 perkara sebelum 5 perkara... Sihat sebelum sakit. Muda sebelum tua... Kaya sebelum miskin...Lapang sebelum sempit...Hidup sebelum mati...”

Airmata keinsafan meneguhkan keimanan aku di sepanjang perjalanan aku menuju ke perhentian bas yang agak jauh dari perkarangan Pusara Abadi. Jika bukan takdir Illahi, mungkin sudah tiba giliran aku menghadap sang Pencipta dengan bekalan yang begitu dangkal sekali. Aku pasti esok lebih cerah dari hari sebelumnya dan peluang kedua yang dianugerahkan Allah tidak akan aku sia-siakan. Semoga langkah

aku dipermudahkan untuk mencari siapa aku sebenarnya. Siapakah sebenarnya Abdullah? Adakah aku anak angkat? Mengapa aku diserahkan kepada Hamdani, lelaki yang selama ini aku panggil Abah? Di mana agaknya keluarga kandung aku? Persoalan demi persoalan tiada tanda noktahnya. Aku beroleh jalan buntu. Namun, aku akan teruskan pencarianku untuk mengetahui hal sebenar. Hanya Allah tahu segala kebenarannya. Wallahu a’lam.

- Selesai -

Glosari

bebelan – berleter

berlingas – memandang tidak tetap

cemarkan – tidak bersih, kotor, perbuatan tidak baik

fitnah – tuduhan yang diada-adakan untuk memburukkan atau membencanakan seseorang

melopong – ternganga (mulut)

membangitkan – sesuatu yang dapat didengar selain suara manusia, bunyi hinga-bingat

menggertak – mengugut, mengancam atau menakutkan

menggoreskan – mencalarkan atau menggariskan

pemulihan – pengembalian kepada keadaan yang semula atau asal

waris – orang atau pihak yang berhak menerima pusaka orang yang telah meninggal



Angkara

Rahmat Subadah



Biodata Penulis



Rahmat Subadah

Cikgu Rahmat Subadah mula berkhidmat sebagai guru pada 1997. Beliau kini bertugas di Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS). Beliau menulis untuk menceritakan pemerhatian beliau tentang kehidupan manusia untuk dijadikan sebagai iktibar dalam menjalani kehidupan. Penulis kegemaran beliau termasuklah Pramoedia Ananta Toer, Muhammad Arif Ahmad dan Ramlee Awang Murshid.

Aku duduk di baris belakang memandangi tepat ke wajah Shahirah.

“Tuan-tuan dan puan-puan. Saudara dan sss...saudari sekalian. Nama sss...saya SSS... Shahirah. Uuu...Umur sss...saya 20 tahun.” Suaranya tersekat-sekat. Itulah kata-kata Shahirah ketika masuk ke bilik ini. Mulut Shahirah senget ke kiri ketika mengucapkan kata-kata tersebut.

Shahirah berjalan **terseret-seret** ke baris hadapan. Shahirah duduk menghadap beberapa orang remaja seusia dirinya sendiri dan beberapa orang dewasa lain yang boleh digelar Pak cik dan Mak cik. Mereka memandangi Shahirah.

“Ssss...saya dulu seperti anda semua suka menggunakan ttt...telefon bim...bimbit. Ke mana mana pergi saya leka dengan telefon bim...bimbit sss...saya.” Shahirah memulakan kisah hidupnya. Mata Shahirah bersinar ketika bercerita tentang dirinya.



WhatsAppku berbunyi beberapa kali. Ada mesej Asnul masuk.



Kali terakhir aku berjumpa Kassim di sebuah pasar raya. Anaknya lima orang. Ada yang menangis, ada yang sedang menjerit, ada pula yang merajuk tidak mahu berjalan. Isterinya pula sedang sarat mengandung anak yang keenam dan Kassim sedang mendukung anaknya yang lelaki. Nampaknya macam tidak terurus. Mungkin juga itu penyebabnya.

Melihat keadaan Kassim aku terbayang nasib manusia Melayu yang biasa aku dengar dan tonton di televisyen dan yang aku baca di akhbar. Bila sebut orang Melayu, pasti ada banyak masalah. Masalah kesihatan, kewangan, perceraian, keciciran dalam pelajaran, penagihan dadah, ramai anak, penjagaan ibu bapa ... semuanya masalah orang Melayu.

Masalah orang tak ada rumah, orang Melayu tidur tepi pantai ... Melayu, Melayu, Melayu. Tiada lain semuanya hal orang Melayu. Niat aku mahu menegur

Kassim terpaksa aku hentikan. Maklumlah, kasihan aku melihat dirinya mengurus anak-anak dan isteri yang sedang **sarat** mengandung.

Kali ini aku bercadang untuk melawat Kassim di hospital hujung minggu ini. Bagus juga ada WhatsApp. Sejak ada WhatsApp, aku seperti orang ketagihan. Mata asyik melirik telefon bimbit menunggu-nunggu mesej yang masuk.

Telefon bimbitku berbunyi beberapa kali. Ada mesej masuk dalam WhatsAppku. Hatiku terasa gatal untuk membaca mesej-mesej yang diterima. Namun aku terpaksa juga menumpukan perhatian di jalan raya kerana kenderaan yang dipacu laju menderu, memotong satu persatu. Sukar bagiku untuk menumpukan perhatian sekiranya mataku terjenguk-jenguk cuba membaca pesanan di WhatsApp. Kali ini, mujur di lampu trafik seterusnya ada kesesakan lalu lintas. Dapatlah aku jeling dan baca mesej.

“Salam Jumaat buat semua. Apa khabar? Diharap semuanya baik.” WhatsApp kumpulan daripada sekolah rendah sudah bangun.

“Saya baik-baik sahaja. Alhamdulillah. Sedang sarapan roti dan telur rebus.” Pantas jawapan Redza. Dia sempat mengirim gambar santapannya, dua butir telur rebus dan dua keping roti bakar dengan secangkir kopi.

“Wah! Sedapnya... Sarapan tak ajak orang. Kau di mana?...” Rajap mencelah mengusik Redza.

“Aku di kedai kopi dekat dengan tempat kerja. Sekejap lagi nak masuk ofis.” Redza pantas memberikan statusnya terkini.

“Rajap, engkau di mana?”

“Aku pun dalam perjalanan ke tempat kerja. Tengah hari *free?*, kita *Lunch.*” Rajap membuka pelawaan.

“Boleh Bro... lama benar engkau menghilang ... merajukkah?” Jawab Redza.



Rajap baru sahaja pulang ke Singapura setelah beberapa tahun mengelilingi dunia sebagai anak kapal. Dia kini menetap di Kuala Lumpur dan isterinya orang sana.

“Walaikum salam Redza.” Mesej daripada Salmah cinta hatinya semasa di bangku sekolah tiba-tiba muncul.

“Rez, kita jumpa hujung minggu ini yok. Lama tak bersembang?” Mesej Salmah masuk lagi.

“Maaf Sally, mungkin lain kali.” Redza pantas membalas mesej Salmah. Redza memang pantas mengelak daripada mengikuti aktiviti yang dirancang terutama sekali aktiviti yang dirasakannya kurang berfaedah. Apatah lagi kali ini dia sudah berkeluarga.

“Rez sama macam Sham. Tiap kali ajak keluar pasti tak boleh.” Lancang benar bunyi mesej yang dikirim Salmah.

“Rez sahaja?” Alinah mencelah bertanya. Mesej Alinah sahabat baik Salmah.

Aku terkejut. Kereta di belakangku membunyikan honnya. Rupa-rupanya lampu merah sudah bertukar hijau agak lama tetapi keretaku belum bergerak-gerak lagi. Aku dengan segera angkat tangan tanda mohon maaf lalu menekan pedal *accelerator*. Keretaku **dipacu** lancar ke hadapan.

Mesej di WhatsApp masuk bertalu-talu. Aku seperti tidak sabar untuk membuka mesej-mesej yang dikirim. Hatiku bagai digaru-garu mahu membaca mesej-mesej yang masuk. Telefon bimbit dengan aplikasi WhatsApp benar-benar mengawal hidupku. Aku segera memberhentikan keretaku di bahu jalan.

Aku bercadang untuk meneruskan panduanku ke pejabat. Namun, sekali lagi WhatsAppku berbunyi. Mesej daripada isteriku.

“Ayah, lepas masak Ibu pergi *briskwalk* dengan Wati boleh?”

“OK.”

“*Brisk walk* di pantai Pasir Ris.”

“Anita balik lambat hari ini. Ada kokurikular di sekolah.” Sambung isteriku yang melaporkan tentang anakku.

Fikiranku beralih arah. Kali ini tertumpu kepada Anita anakku. Anita mahasiswa di Institut Pengurusan Singapura atau *Singapore Institute of Management (SIM) Global*. Dahulu Anita meraih keputusan peperiksaan peringkat ‘O’ dengan cemerlang. Walaupun dia mahu melanjutkan pelajarannya di politeknik, kami halang. Kami mahu Anita belajar di maktab rendah. Semasa di maktab rendah, aku dan isteriku sering mengawal ketat pergerakan dan pergaulan Anita. Anita berasa hidupnya **terkongkong** dan dia mula memberontak. Anita selalu pulang malam dan menghabiskan masa bersama-sama kawannya. Akibatnya, keputusan peperiksaannya tidak melayakkannya melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi pemerintah.

Akhirnya aku dan isteri menyarankan agar Anita memilih sendiri bidang atau kursus yang ingin dipelajarinya di SIM Global. Walaupun perbelanjaannya lebih tinggi daripada di institut-institut pengajian tinggi pemerintah, demi anak, kami usahakan juga.

Aku bersyukur. Sejak Anita melanjutkan pelajaran di SIM *Global*, dia lebih bermotivasi dan menunjukkan sikap yang positif. Aku berikan kebebasan untuk dia pergi ke sekolahnya sendiri. Jika dahulu aku hantar dengan kereta, kini dia menaiki MRT dan bas untuk ke sekolahnya. Awal pagi dia sudah keluar rumah. Jika di rumah, Anita sering memberikan tumpuan pada pelajarannya. Sekiranya Anita terlambat bangun, barulah aku hantar dengan kereta. Itu pun jika perlu.

“OK. *Take care.*”

“OK Ayah. Amin. *Thanks.*”

Aku tersenyum melihat mesej daripada isteriku. Kalau lambat respons tentu isteriku marah.

Ah, baik aku teruskan perjalananku ke pejabat. Nanti lambat.

Baru saja aku hendak keluar daripada bahu jalan, telefon bimbitku berbunyi lagi. Ada lagi mesej yang masuk. Aku jeling telefon bimbitku lagi. Sekejap lagi kata hati. Biar aku baca lagi mesej yang masuk.

“Ayah, Ahad ini Nita hendak keluar dengan kawan. Boleh?” Anakku meminta izin.



“Lupa kah?”

“Ahad ini kan kita dah janji hendak makan bersama.”

Anita tidak membalas. Hantaran mesej tiba-tiba terhenti. Biar pun tangan di *steering* kereta, keadaan senyap di telefon bimbit membuat aku tidak sabar. Anita tidak memberikan sebarang balasan.

“Kan kita dah janji *Lunch* dengan ibu. Ibu sudah buat *reservation.*”

Aku selalu pastikan yang kami sekeluarga dapat makan bersama-sama pada hujung minggu memandangkan kita semua selalu sibuk. Sekurang-kurangnya untuk makan tengah hari.

“Lepas *lunch*, Nita boleh keluar dengan kawan?”

Aku berasa lega, mesej Anita menjelma di paparan. Kali ini Anita mencuba nasibnya.

“Dengan siapa?...”

“Lelaki atau perempuan?...”

“Shahirah... Ada *group discussion*... *Submission* minggu hadapan.”

“OK.” Aku memberikan keizinan.

“Sayang Ayah.”

Kedengaran nada manja Anita yang kegembiraan. Mesej itu juga seolah-olah menjadi penutup perbualan Aku dan anakku. Aku sebenarnya berasa lega sebab Anita meminta keizinan untuk keluar rumah. Aku juga berasa lega sebab aku ada alasan untuk tidak ikut **berkelah** dengan kawan-kawan kumpulan WhatsApp sekolah rendahku.

Aku segera mengirim mesej kepada isteriku mengenai cadangan aku untuk melawat kawanku yang dimasukkan ke hospital serta rancangan untuk makan tengah hari bersama dengan Anita. Aku juga memberitahu isteriku bahawa Anita meminta keizinan untuk keluar dengan kawannya pada sebelah petang Ahad itu.

“Waduh!”

“7.55 pagi...”

Aku menutup WhatsApp. Aku ada masa 5 minit lagi untuk tiba di pejabat. Kali ini aku pasti lambat. Aku pasti dapat kiriman e-mel daripada *Boss* tentang kelambatanku masuk pejabat.

Aku terus sahaja menekan pedal *accelerator*. Kereta terus memecut masuk ke lorong sebelah kanan. Aku tidak sempat menoleh. Tidak sempat menekan brek. Sebuah kenderaan cuba mengelak daripada **merempuh** keretaku. Bahagian keretanya melanggar bahagian depan sebelah kanan. Impak kelajuan kereta itu membuatkan kereta yang aku pandu berpusing-pusing.

Aku sempat menoleh dan melihat kereta yang melanggar keretaku hilang kawalan dan tercampak ke lorong bertentangan lalu bergolek beberapa kali sebelum dirempuh oleh beberapa kereta di lorong bertentangan.



Akibat **pertembungan** itu... mataku mula menjadi kabur dan aku tidak dapat melihat. Aku hanya terdengar suara tangisan dan manusia yang cuba menarik tubuhku.



“Angkara perbuatan sss...saya, Ibu dan Ayah sss...saya meninggalkan dunia.”

“Dua tahun lalu, sss...saya berumur 18 tahun. Seperti remaja-remaja yang lain, sss...saya suka menggunakan telefon bimbit tidak kira di mana. Pagi itu, sss...seperti biasa, Ayah dan Ibu menghantar saya ke sss...sekolah sss...sebelum ke pejabat masing-masing.” Shahirah menarik nafas dalam-dalam. Peristiwa hitam itu terbayang semula.

“Shahirah, Ibu dan Ayah balik lambat malam ini. Shahirah pulang sendiri ya... Shahirah, dengar tak?” Ayah menguatkan suaranya. Shahirah seperti biasa. Matanya tertumpu pada mesej yang dikirim oleh rakan-rakannya di telefon bimbit.

“Shahirah, dengar tak?” Suara Ayah kedengaran samar-samar.

“Shahirah, dengar tak Ayah cakap apa?” Suara Ayah semakin meninggi.

“Ada apa Ayah?” Shahirah bertanya.

“Ayah dan Ibu hari ini balik lambat. Shahirah pulang sendiri, OK?” Ayah sekali lagi mengulang pesanannya.

“OK, Ayah. Nanti Shahirah pulang sendiri.” Shahirah menjawab seadanya tanpa memandangi ayahnya. Shahirah kembali melayan mesej-mesej yang diterima di WhatsAppnya. Anita baru sahaja menyatakan bahawa mereka boleh menonton wayang pada hujung minggu. Anita mengirim beberapa prelu klip video mengenai filem-filem terbaru menerusi WhatsAppnya. Shahirah tersenyum-senyum sendirian menonton beberapa klip video yang dikirim oleh Anita. Dia tidak sabar untuk bertemu Anita dan menonton filem pada petang Ahad.

“Shahirah, kalau Ayah dan Ibu tak balik, Shahirah mesti jaga diri baik-baik,” Ayah Shahirah memberikan pesanan. Shahirah masih leka dengan WhatsAppnya. Shahirah tenggelam dalam keseronokan menonton prelu filem hantaran Anita.

“Shahirah?...”

“Dengar tak pesanan Ayah?...” suara ayahnya sudah mula ditinggikan lagi.

Mata Shahirah masih tertumpu pada telefon bimbitnya. Dia sedang menaip untuk **menyarankan** kepada Anita tentang filem apa yang akan ditonton pada hari Ahad petang selepas perbincangan tentang projek mereka bersama.

“Shahirah, dengar tak pesanan Ayah tadi?” ayahnya menoleh ke belakang buat seketika untuk memandangi muka anaknya dengan suara yang sungguh lantang.



Mendengar suara ayahnya ditinggikan, Shahirah terperanjat. Telefon bimbitnya terlepas dari tangan. Dia **mendongak** seketika lalu memandangi ke hadapan.

“Ayah!” Jerit Shahirah.

Mata Shahirah terpancang sebuah kereta tiba-tiba sahaja masuk dari sebelah kiri, dari bahu jalan ke lorong yang dipandu oleh ayahnya.

Ayah Shahirah cuba mengelak tetapi tidak sempat. Kereta yang dipandu bapa Shahirah merempuh kereta itu.

“AAA...Akibat daripada kemalangan itu, sss... saya terlantar di hospital selama setahun dan

mengalami kecederaan teruk. Tengkorak kepala saya retak. Muka sss...saya cacat dan sss...saya kehilangan daya untuk berge... rrrak dan ber...ccc...cakap. Saya bertarung nyawa selama tiga bbb... bulan di hospital dengan kkkk...kecederaan yang saya alami. Setelah sss...saya sedar, sss... saya mendapat tahu yang Ibu dan Ayah saya terkorban dalam kemalangan itu. Hidup sss... saya bagaikan tidak bermakna lagi. SSS...Saya putus harapan. SSS...Saya hampir menjadi gila. Mujurlah Tuhan masih menyanyangi sss...saya.” Shahirah bercerita sambil menahan sebak di dada.

“Hampir setahun lebih pula sss... saya harus belajar. SSS...Saya perlu belajar bagaimana hendak berjalan semula dan menggerakkan kedua-dua tangan dan kkk...kaki-kaki sss... saya, jji... jari-jari sss...saya. Semuanya sss...saya perlu belajar sss...semula. SSS...Saya perlu belajar berca... kkkap semula. Macam bbb... budak baharu lahir.” Shahirah menyambung ceritanya lagi.

Peserta-peserta yang hadir senyap sahaja, termasuk diriku. Semua yang mendengar cerita Shahirah turut bersedih, lebih-lebih lagi aku.

“Nnn.....namun sss... saya reda. Ini sss...sudah ketentuan Ilahi. Sss...saya tidak menyalahkan sss... sesiapa kecuali diri sss...saya sendiri.”

Mata Shahirah memandang tepat padaku dengan penuh pengertian.

- Selesai -

Glosari



| | |
|--|--|
| berkelah – bersuka-suka dan berjamu beramai-ramai | pertembungan – perlanggaran, dua objek terlanggaran |
| bertarung – berkelahi, berlaga | rempuh – dilanggar dengan kuat |
| dipacu – digerakkan atau dipercepatkan | sarat – cukup, penuh, sudah tiba masanya |
| mendongak – memandang ke atas | terseret-seret – tidak lancar |
| menyarankan – mengemukakan, mencadangkan | terkongkong – tersekat atau terbelenggu |



Janji

Rashidah Abdullah



Janji

Rashidah Abdullah



Biodata Penulis



Rashidah Abdullah

Cikgu Rashidah Abdullah mula mengajar pada tahun 1990. Beliau kini bertugas di Sekolah Menengah Marsiling. Beliau terpanggil untuk menulis kerana mahu berkongsi keseronokan membaca dengan para pembaca. Beliau yakin, plot, watak yang hidup serta pengolahan cerita yang baik akan membuat pembaca berasa teruja untuk membaca sehingga ke noktah yang terakhir. Penulis kegemaran beliau ialah Khadijah Hashim, Adibah Amin dan Suratman Markasan.

Zahirah Insyirah memerhatikan gelagat Dr Iman Rusydi yang sedang duduk di hadapan Tuan Kadi Pasuni Maulan. Kasihan dia, berpeluh-peluh kerana diserang darah gemuruh, agaknya! Jika di dalam kelas Dr Iman sungguh handal, tenang dan bijak menguasai situasi, namun pada malam ini ...

“Hei, Zaza! Apa ni senyum-senyum?” Tiba-tiba bahuku ditepuk kuat Nora, kawan karibku sejak kecil lagi.

Nora tidak boleh dipisahkan denganku. Kami ibarat isi dengan kuku. Di mana ada Nora, di situ mesti ada Zahirah. Nora sentiasa ada sebagai penasihatku bila aku kecewa. Dialah teman ketawa dan berduka. Hatinya yang luhur sentiasa menegur kesilapanku. Tegurannya kadangkala tajam bak sembilu tetapi aku sedar ianya berupaya membuka mata hatiku. Menurut Nora, untuk hidup tenang di dunia kita perlu jujur, ikhlas, sabar dan redha dengan ketentuan Tuhan. Itu sebabnya Nora sentiasa ceria. Aku pernah terbaca dalam sebuah buku agama bahawa rezeki Allah swt datang dalam pelbagai bentuk. Dan, rakan-rakan yang saling mengingatkan kita untuk melakukan kebaikan juga merupakan rezeki.

“Za,” bisik Nora. “Dr Iman dah jadi abang ipar kau. Wah, berabang Manlah kau! Abang Man, Abang Man ... eeew!” kata Nora dengan gaya manja.



Aku tersengih tatkala melihat aksi gedik Nora. Kemudian, aku mengalihkan pandanganku ke arah pengantin perempuan yang sedang duduk menanti di bilik yang terhias indah dan berbau wangi dengan haruman bunga rampai yang telah digauli dengan air mawar. Malam ini, bermulalah detik bersejarah dalam hidup Zahrah Iman binte Haji Zainal. Orangnyanya berkulit cerah dan sungguh ayu dengan tahi lalat kecil di tepi bibirnya. Jika sedang tersenyum, akan terserlah lesung pipit di pipi kanannya. Sungguh berseri-seri wajah Kak Long pada malam ini. Memang padanlah kalau disandingkan dengan Dr Iman Rusydi, **persis** pinang dibelah dua.

“Za, Za!” Aku menoleh ke arah suara yang memanggilku. Tanpa aku sedari air mataku menitis tatkala melihat Kak Long dan abang iparku disandingkan di atas pelamin. Tiba-tiba, badanku ditarik orang dan sebelum sempat aku menepis, aku sudah berada di hadapan pelamin yang terhias indah dengan bunga-bunga mawar yang segar.

“Abang, Kak Long, selamat pengantin baharu. Semoga mahligai yang dibina akan berkekalan sehingga ke Jannah Zaza doakan.”



Pada malam itu, aku tidak dapat melelapkan mata meskipun esok aku perlu bangun awal kerana ada majlis persandingan Kak Long. Kami sekeluarga perlu berada di Fairmont Singapore pada jam 8.30 pagi kerana majlis akan diadakan dari jam 10.00 pagi hingga 4.00 petang.

Suami Kak Long hendak kupanggil dengan nama Abang Long atau Abang Man? Aku mesti menyesuaikan dan menyediakan diriku untuk memanggilnya dengan pangkat Abang walaupun hatiku yang berparut ada kalanya terasa sebak setiap kali aku mengingatnya. Hanya Tuhan sahaja yang tahu isi hatiku ini.

Dr Iman Rusydi. Dia merupakan guru mata pelajaran Kimia yang ditugaskan di Sekolah Perempuan Pioneer semasa aku menuntut di menengah empat pada waktu itu. Hadirnya di sekolahku pada bulan Mac tahun lepas mengisi tempat kosong yang ditinggalkan oleh Mrs Rollinson yang telah bersara.

Seperti biasa, kelas 4E1 di tingkat empat riuh-rendah dengan celoteh 30 orang anak dara di dalam kelas tersebut. Tiba-tiba, Maglina, ketua kelas kami, berlari masuk ke dalam kelas lalu memberitahu kami. Guru mata pelajaran Kimia kami **sado** macam Zul Ariffin.

“Sudahlah, Mag,” sampuk Hazel yang periang, “tak habis-habis lagi kau dengan drama Melayu. Abang Fattah lah, Abang Izzue lah. Bukankah Mr Malek masih ajar kita *Chem*?”

“Sekarang dah tukar guru. Namanya Dr Iman. Ada pangkat Dr lagi. Tabik *spring* aku!” Tiba-tiba kedengaran suara orang berdehem di muka pintu. Semua pelajar terdiam dan kelas menjadi sunyi seketika. Suasana di dalam kelas menjadi terlalu senyap sehingga aku seperti dapat mendengar **degupan** jantungku yang seperti gong dipalu orang kuatnya.



Guru baharu yang Mag katakan, masuk ke dalam kelas dengan tenang sambil memerhatikan kami. Ketinggiannya kira-kira 6 kaki. Beliau juga akan menjadi guru Kimia merangkap guru kelas kami. Ooo la la! Aku terbuai mendengar alunan suaranya yang begitu lunak. Kacak pula.

“Badan ini tadi lemah semacam tengok Dr Iman. Begini rupanya kalau orang kata hati kita boleh cair melihat lelaki tampan,” kongsi Norfidah tanpa segan silu semasa kami berjalan ke perhentian bas petang itu.

“Bukan kau seorang saja, Fidah. Aku perhatikan tadi kawan-kawan kita yang lain pun terkesima. Bukan main khusyuk mendengar setiap bait-bait bicara Dr Iman,” kata Mag. Selepas Mag mengungkap kata-kata, semua yang sedang berjalan terberhenti sejenak dan menoleh ke arah Mag. Tiba-tiba, semua ketawa **mengekek**.

“Fuyoh, Mag!” gelak Sha.

“Dahsyat sungguh bahasa Melayu kau hari ini! **Terkesima**, bait-bait ... sungguh wow! Lepas ni, tulis karangan naratif dalam kelas Cikgu Liza mesti mantap!”

“Aku nak tanya tadi segan, rasanya dia masih bujang,” sampuk Maiza.

“Esok masih ada, kita soal siasat dia! Apa kata, kawan-kawan?”

Seperti mana yang **direncanakan**, Dr Iman dijadikan sasaran pada keesokan harinya. Maiza serta Rina, yang merupakan jaguh pidato sekolah kami, terus bertanyakan tentang Dr Iman. Pada mulanya dia agak keberatan untuk menjawab tetapi setelah kami sebulat suara berjanji untuk menghantar tugas kami pada petang itu juga, akhirnya dia pun mengalah.

Maka, diketahui umum bahawa Dr Iman Rusydi bin Rahmat, 34 tahun, masih bujang. Dia telah membuat pengajian pos siswazah peringkat sarjana dan doktor falsafah di Universiti Cambridge.

Dia pernah mengajar di sebuah sekolah menengah yang lain di kawasan timur Singapura selama setahun sebelum ditugaskan ke sekolah kami.

Dua minggu kemudian, aku telah dipanggil berjumpa Dr Iman di luar bilik guru. Cemas juga aku dibuatnya sebab aku sudah menduga apa yang akan disoal.

“Zahirah, saya rasa awak tahu kenapa awak dipanggil,” Dr Iman memulakan bicara sambil memerhatikan diriku yang asyik menundukkan kepala.

“Saya harap awak tidak akan melakukannya lagi. Lain kali, jika kurang faham, tanya saya. Jangan malu. Awak pelajar bijak. Saya percaya bahawa awak boleh berikan mutu kerja yang lebih baik daripada ini, emm? Buktikan kepada saya, okay?” Itu sahaja yang diucapkan oleh Dr Iman kepadaku tetapi sudah cukup untuk menjadi pemangkin dan pembakar semangatku untuk menghasilkan tugas yang lebih baik.

Sebenarnya, bukan niatku untuk mengelat dan mencedok sahaja daripada lelaman Internet dengan harapan Dr Iman akan berasa kagum dengan hasil kerjaku. Rupa-rupanya, guruku itu memang berpengetahuan dan **berketerampilan** orangnya.

Aku tidak mengerti dengan perasaanku yang bercelaru ini sehingga melakukan sesuatu yang melanggar pendirianku. Aku tidak faham kenapa tiap-tiap malam aku terbayangkan wajah Dr Iman. Apakah ini yang dinamakan cinta?

Kata-kata akhirnya, “Buktikan kepada saya, okay?” membuat aku cepat-cepat mencapai buku-buku rujukan, komputer riba dan terus berusaha untuk menyelesaikan tugasanku. Akan kubuktikan potensiku yang sebenar.

Dua minggu kemudian, Dr Iman memberitahu kelas bahawa dia telah menyertakan beberapa buah projek yang telah kami hantar untuk dipertandingkan pada peringkat nasional anjuran NUS dan dua buah agensi swasta. Antara lima projek yang dihantarkannya, tiga daripadanya telah terpilih untuk ke peringkat akhir. Projekku antara yang terpilih ke peringkat akhir selain projek Sally Wong dan Latifah Sufiah dari kelas 4E3. Berkat tunjuk ajar Dr Iman yang bersungguh-sungguh membimbing kami, kami berupaya berucap dengan yakin dan berkesan di hadapan panel pengadil apabila nama kami disenarai pendek untuk menerangkan lebih mendalam tentang projek yang kami siapkan. Aku sungguh bersyukur mendapat tempat kedua kerana persaingan sungguh sengit antara 15 finalis daripada sekolah-sekolah menengah yang lain. Sally mendapat tempat ketiga manakala Latifah mendapat hadiah sagu hati.

Bagi meraikan kejayaan para peserta, Dr Iman mengumumkan bahawa pihak penganjur telah menjemput para pemenang menghadiri majlis penyampaian sijil dan hadiah diikuti dengan makan tengahari di Hotel Mandarin Oriental pada penghujung bulan nanti.

Tiga puluh pasang mata anak-anak dara menoleh ke arahku. Mereka kemudian bertepuk tangan dan mengucapkan tahniah kerana aku berpeluang keluar bersama dengan Encik Sado. Pada waktu itu, aku memandang ke arah Dr Iman yang sedang bertepuk tangan sambil tersenyum manis ke arahku. Manis sungguh senyumannya!



Petang itu aku sibuk menggeledah almari di dalam bilikku. Kod pakaian untuk majlis tersebut ialah pakaian formal/tradisional. Lepas satu baju, satu baju lagi yang aku gayakan di hadapan cermin.

“Zahirah Zainal! Apa sudah jadi? Sejak bila anak Ibu ada simpan angan-angan untuk jadi peragawati? Along, tengok adik Long ni!” laung Ibu.

Kak Long masuk ke bilikku. Sambil menggeleng-gelengkan kepalanya dia berkata, “Za, ini nak keluar dengan guru atau dengan mata air? Majlis itu untuk **meraikan** kejayaan Adik dalam pertandingan kelmarin,” kata Kak Long sambil tersenyum.

“Sungguhpun begitu, Za tak mahu malukan cikgu Za dengan pakaian yang tak senonoh di khalayak ramai. Majlis di hotel 5 bintang tau, Kak Long!” jawabku ringkas. Sebenarnya, aku mahu kelihatan lebih dewasa dan menarik khas untuk tatapan Dr Iman Rusydi. Aku mahu dia tertarik dengan kejelitaanku, tapi itu rahsiaku.

Akhirnya, aku memilih baju kurung berwarna hijau atas nasihat Ibu. Kain jenis sutera Itali itu terasa sungguh halus dan lembut pada tubuhku. Aku sedar bahawa aku kelihatan sungguh ayu dan menawan. Aku memadankan pakaianku dengan kasut baldi hitam, beg tangan Kate Spade pemberian Ibu dan Abah sempena hari lahirku sebulan yang lalu dan gelang tangan Pandora yang aku pinjam daripada Kak Long.

Hari yang dijanjikan pun tiba. Aku mengharapkan hamburan puji Dr. Iman. Sebenarnya, aku perasan sejak awal tadi, ada beberapa kali dia tenung mukaku dengan muka serius.

“Zahirah, muka awak mirip kawan saya yang menuntut di NUS dahulu,” katanya sambil kami makan.


Haizz, siapalah agaknya perempuan kenalan Dr Iman yang wajahnya mirip denganku? Malam itu, aku sukar untuk melepapkan mata. Aku asyik terkenang-kenang masa manisku bersama Dr Iman siang tadi. Masih aku teringat senyumannya, lirikan matanya, ketawanya, suaranya yang lemak merdu, cara dia makan, dan terutama sekali waktu dia memilih dan membelikanku klip berwarna hijau yang sungguh cantik. Aku mencapai klip hijau tersebut dan membelai-belai kehalusan kain satinnya sehingga aku terlena dibuai mimpi yang indah bersama jejak idamanku.

Hajjah Zarina masuk ke kamar Zahirah malam itu dan merenung wajah anak gadisnya yang kelihatan tersenyum dalam tidur sambil tangannya menggenggam klip berwarna hijau.

“Sudah besar anak bongsu aku,” kata Hajjah Zarina sambil mengusap rambut anak perawannya. Dalam hati Hajjah Zarina terdetik suatu perasaan aneh tatkala terlihat senyuman Zahirah dalam tidur. Hajjah Zarina mengambil klip hijau daripada genggamannya itu lalu meletakkannya di atas meja kecil dan mematikan suis lampu di bilik tersebut.

Hubunganku dengan Dr Iman semakin rapat hari demi hari. Jika dia mengadakan kelas tambahan untuk subjek Kimia, aku pastikan aku akan hadir sama. Aku sengaja mereka soalan-soalan untuk ditanya kepada Dr Iman pada akhir kelas supaya aku dapat mendampinginya. Masa bersamanya itu amat aku hargai. Dr Iman pula nampaknya gembira melihat kesungguhan dan minatku dalam Kimia.

“Wah, aku tengok kau sejak kebelakangan ini bukan main aktif lagi semasa kelas Kimia. Dr Iman pun bukan main rancak lagi dapatkan pendapat kau waktu perbincangan,” kata Ribut semasa kami sedang makan tengah hari di *Popeyes*.



“Ada apa-apa yang kita tak tahu?” tanya Faridah dengan renungan tajamnya.

“Eeish, tak ada apa-apalah. Merepek saja tak tentu pasal,” jawabku dengan muka selamba.

Aku perasan bahawa Hindon, Zamzama, Gee dan Fazilah saling berpandangan. Sharifah, Shidah dan Nora yang duduk berhadapan denganku terberhenti mengunyah seketika. Tiba-tiba, Nora berdehem lalu menukar tajuk perbualan dan hal aku dengan Dr Iman tidak disentuh lagi. Namun, dalam perjalanan pulang ke rumah petang itu, Nora menyatakan sesuatu yang sangat menyentak jiwaku.

“Za, jaga diri dan hati kau baik-baik. Aku tak mahu tengok sahabat baikku terluka. Kita masih di bangku sekolah. Hanya lima bulan lagi sebelum GCE ‘O’. Jangan kecewakan hati ibu bapa kau, Za.”

Aku tergamam. Apakah semua kawanku tahu tentang rahsiaku? Malunya aku! Di mana hendak kuletakkan mukaku ini jika Dr Iman pun tahu?

Aku tiada selera makan untuk beberapa hari. Badanku susut sedikit dan mukaku pucat. Pada suatu hari, semasa kelas Matematik, aku pitam. Apabila aku sedar, kelas berada dalam keadaan kecoh. Kawan-kawanku sibuk mengipas-ngipas aku. Hindon membawa segelas air Milo panas. Mdm Saria, guru Matematik, sibuk bertanyakan keadaanku. Pada masa itu, Dr Iman berjalan lalu di hadapan kelas kami dan menjenguk ke dalam kerana kelas agak riuh-rendah dek peristiwa aku tidak sedarkan diri.



Dr Iman bergegas masuk ke kelas apabila mendapat tahu bahawa ada pelajarinya yang pitam. Pada waktu itu, aku baru sahaja tersedar. Mdm Saria menyarankan agar aku dibawa pulang kerana mukaku kelihatan pucat dan badanku terasa amat dingin. Namun, aku berdegil hendak pulang sendirian kerana tidak mahu merisaukan Ibu yang kurang sihat. Aku bimbang Ibu akan bertambah sakit jika mendapat panggilan bahawa anaknya telah pengsan di sekolah.

Oleh sebab jam sudah menginjak ke pukul 3.30 petang dan sememangnya waktu tamat sekolah pada petang Rabu itu, Dr Iman dengan ditemani Mdm Saria, mengiringi aku ke pejabat sekolah. Di pejabat, Mdm Saria menelefon Ibu yang berseorangan di rumah kerana Abah telah ke Johor melawat temannya yang sakit tenat. Kak Long mungkin dalam penerbangan pulang setelah seminggu berada di Osaka atas urusan kerja di sana. Mdm Saria mendapatkan izin Ibu agar membenarkannya menghantarkanku pulang ke rumah kerana dia sangat risau akan keadaan diriku yang kelihatan sungguh pucat dan lemah.

Dengan bertemankan Mdm Saria, Dr Iman memandu kereta Mercedes Benz B180nya yang berwarna perak. Aku hanya duduk membisu sambil memejamkan mata. Setibanya aku di hadapan pagar rumahku, Dr Iman berkeras menghantarkanku ke muka pintu.

“Suka hati kau lah, Cikgu” rungut hatiku. Aku mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua guru yang sudi menghantarku pulang ke rumah lantas menolak pagar rumahku. Dr Iman sempat menekan loceng rumah sebelum mengikut aku masuk ke halaman rumah lalu memberi salam. Kedengaran suara Kak Long menyahut salam itu dari dalam rumah sebelum daun pintu dibukanya.

“Hei, Iman!” suara Mdm Saria tiba-tiba kedengaran dari belakangku.

“Ya?” kedua-dua Kak Long dan Dr Iman menyahut serentak. Oh ya, nama penuh Kak Long, Zahrah Iman. Itulah sebabnya dia pun menyahut sama.

Suara Ibu menjemput guru-guruku masuk meredakan suasana tegang sebentar tadi tetapi aku masih terasa ada sesuatu yang tidak kena antara Kak Long dan Dr Iman. Aku terus masuk ke kamar. Namun, aku masih tidak dapat melupakan peristiwa di muka pintu tadi. Apakah rahsia di sebalik renungan mata antara mereka? Adakah mereka pernah bertemu? Tiba-tiba, aku teringat kata-kata Dr Iman bahawa mukaku mirip dengan rupa seorang rakannya di kampus dahulu. Mungkinkah? Aarghh tidak, tidak mungkin ...

Seminggu kemudian, semasa sarapan pagi, Kak Long mengumumkan bahawa seorang teman istimewanya akan berkunjung ke rumah pada malam itu.

“Wah, ini bakal menantu Abah nak datang ya?” usik Abah sambil tersenyum.

“Issh, Abah ni. Tak ada lah! Cuma kawan kuliah dulu. Lagipun Kak Long masih muda. Soal kahwin nanti-nanti dulu,” kata Kak Long, malu-malu.

“Umur 29 tahun masih muda, kata Kak Long? Umur Ibu macam Kak Long dah ada anak dua!” kata Ibu dengan penuh emosi.

Aku hanya duduk diam mendengarkan perbualan mereka. Siapa agaknya teman istimewa Kak Long? Aku cemas.

Tepat pada pukul 8.00 malam, kedengaran enjin kereta dimatikan di luar halaman rumah teres dua tingkat kami. Aku berpura-pura membaca majalah di suatu sudut yang agak terceruk di ruang tamu. Aku berdoa, biarlah lelaki lain yang jadi teman Kak Long, asalkan bukan ...

“Abah, Ibu, kenalkan kawan lama Kak Long. Iman Rusydi,” ucap Kak Long.

“Eh, eh! Iman Rusydi? Dah macam jodoh. Dua-dua ada Iman,” kata Abah sambil ketawa dengan lawak tidak kelakarnya.

“Issh, Abang! Agak-agaklah cakap tu. Tengok, muka Kak Long dah merah padam,” kata Ibu sambil mencubit manja lengan Abah.

“Apa khabar, Makcik, Pakcik? Ini buah tangan daripada Mama. Mama dan Papa kirim salam,” kata Dr Iman dengan penuh takzim.

“Walaikum salam,” sambut Abah dan Ibu, penuh mesra.

“Mama kata, esok petang kalau Makcik dan Pakcik ada di rumah, Mama dan Papa nak datang ke sini jumpa dengan ibu dan bapa Zahrah,” kata Dr Iman.

“Ooi, lajunya macam keretapi ekspres kamu ni!” seloroh Abah sambil ketawa, “Adoi! Issh, awak! Dah macam ketam. Asyik sepit saya saja,” kata Abah sambil mengelos lengannya yang ‘disepit’ ketam jadi-jadian.

“Sejak bila kamu berdua berkawan? Pandai sungguh Kak Long berahsia dengan Ibu.” Detektif Ibu sudah mula menjalankan tugas mencungkil rahsia.

Dr Iman menceritakan bahawa Kak Long dan dirinya telah berkenalan dan berkawan rapat sejak mereka menuntut di NUS.

“Waktu tu, kami sama-sama ego. Masing-masing tak mahu mengalah. Maklumlah, darah muda. Kemudian, saya ke England. Lebih 7 tahun kami terpisah dan itu telah cukup mendewasakan kami berdua,” cerita Dr Iman dengan panjang lebar.

“Itu sebabnya, saya ambil keputusan hendak melamar Zahrah sebagai suri hati saya. Izinkan saya untuk jadikan Zahrah yang halal buat saya,” sambung Dr Iman bersungguh-sungguh.

Ohhh, tidak!! Laungku sekuat hati, cuma tiada sesiapa yang mendengar rintihan hatiku yang sudah hancur berderai ibarat kaca dihempas batu. Benci sungguh aku dengannya. Selama ini, kenapa dia mesti puji aku? Senyum padaku? Naikkan semangatku? Aku benci Dr Iman!



“Eh, Zahirah Insyirah!” Tiba-tiba namaku dipanggil Abah, “sejak bila Zahirah, anak Abah, pandai baca buku terbalik?” tanya Abah dengan soalan yang sangat tidak kelakar. Semua ahli keluargaku, termasuk Dr Iman, ketawa. Baru aku sedar bahawa aku membaca majalah terbalik. Malunya aku bukan kepalang, lagi-lagi di hadapan jejak idamanku. Jejak idamanku? Cis, jerit hatiku yang telah remuk-redam. Bodohnya, aku! Perasan!

“Maafkan, Za. Selamat malam semua. Za nak masuk rehat. *Migrain*,” ucapku sebelum aku melangkah masuk ke kamar. Air mataku yang telah bergenang sejak tadi berlinangan tiada henti.

Kak Long! Kenapa curi Dr Iman daripada Za? Sampai hati Kak Long.

Tiba-tiba, aku terasa tubuhku disentuh orang. Aku menoleh, Ibu rupanya. Aku berasa sungguh malu dan terharu kerana Ibu tahu apa yang sedang aku rasakan ketika itu. Sesungguhnya aku berasa amat kecewa lalu mendakap Ibu sekuat hatiku.

“Sudahlah, sayang. Jangan menangis. Za masih muda. Kumbang bukan seekor, Za. Kak Long kenal dia terlebih dulu. Kak Longlah yang lebih layak terima cintanya. Redha ya, anak Ibu?”



Aku sedar akan kebenaran kata-kata hikmah Ibu meskipun kebenaran itu pahit macam hempedu. Aku terpandang potretku bersama Kak Long yang sedang memelukku sambil ketawa. Selama ini, Kak Long memang penyayang dan prihatin terhadap diriku. Kenapa pula aku hendak dengki dengan Kak Long? Tidak patut aku tuduh Kak Long sebagai perampas.

Aku tidak salahkan takdir, hanya kelemahan hatiku selama ini. Teringat aku akan kata-kata Nora sedikit masa dahulu agar aku tidak mengecewakan harapan ibu bapaku. Aku **bermuhasabah** diri. Umurku baru hendak menginjak 17 tahun. Betulkah aku sudah bersedia untuk membuat sebarang komitmen dengan seseorang? Bukankah lebih baik aku memberi tumpuan kepada pelajaran yang dapat menjamin masa depanku?

Aku terpandang jam di dinding. Sudah pukul 3.00 pagi! Aku menghela nafas panjang. Dengan penuh pengharapan, aku berdoa agar aku dapat mengukuhkan semangat serta menjadi kuat dan terus bangkit demi membuktikan bahawa aku juga berupaya **merealisasikan** impian ke **menara gading**. Ya, akan aku buktikan. Aku janji.

- Selesai -

Glosari



berketerampilan – berupaya menjalankan tugas dsb dengan cekap

bermuhasabah – membuat penilaian terhadap diri sendiri (fikiran, pendirian dsb) untuk memperbaiki diri sendiri

degupan – gerakan turun naik atau kembang kempis, denyut

direncanakan – dirancangan

menara gading – pusat pengajian tinggi (seperti universiti)

mengekek – gelak ketawa yang berlebihan

meraikan – menjamu (untuk memuliakan, merayakan)

merealisasikan – menjadikan kenyataan

persis – sama benar, serupa benar, kena benar

sado – *slanga Malaysia (biasa digunakan dalam percakapan tidak rasmi); menggambarkan lelaki yang berbadan besar, tegap dan kuat, sasa*


terkesima – tercengang, termangu-mangu, hilang akal



Senja

Shaheda Salim





Biodata Penulis



Shaheda Salim

Cikgu Shaheda Salim mula mengajar pada tahun 2016. Pernah bertugas di Sekolah Menengah Shuqun pada tahun 2016 -2018 dan kini bertugas di Sekolah Rendah Perempuan Raffles sejak tahun 2019. Beliau berpendapat, menulis merupakan satu cara untuk mendokumentasikan isu-isu sosial dan hal-ehwal masyarakat Melayu di Singapura sebagai rujukan pada masa hadapan. Penulis kegemaran beliau ialah Pramoedya Ananta Toer.

Pak Kassan melangkah masuk ke flat baharunya itu. Perlahan-lahan dia menginjakkan kakinya pada permukaan lantai yang berkilat itu. Dia seronok memerhatikan isterinya yang begitu **ligat** meneliti setiap sudut rumah baharu mereka. Semua perkakas baharu telah dipasang di dalam rumah mereka. Pak Kassan menghela nafas yang lega. Penat dan lelah beliau serta isterinya selama ini terbalas jua.

Sejak beberapa bulan yang lalu, mereka telah turun naik pejabat estet perumahan di kawasan Toa Payoh. Pelbagai dokumen rasmi yang perlu mereka sediakan dan tandatangani. Adakalanya, mereka sendiri tidak memahami apa yang telah ditandatangani itu.



Namun, pasangan sejoli ini telah bertekad. Mereka perlu memastikan bahawa mereka layak untuk mendapatkan sebuah rumah jenis studio apartmen yang dikhaskan untuk golongan tua di Singapura.

Pak Kassan memandang di sekitar kawasan dalaman rumahnya yang molek dan berukuran 45 meter persegi itu. Walaupun flatnya kini bersaiz kecil, semua kelengkapan yang disediakan serba-serbi baru dan canggih. Pelbagai kemudahan yang bermanfaat telah dilengkapi seperti **penggera** kebakaran, penyidai baju automatik dan lantai yang tidak mudah licin.

“Alhamdulillah, bang. Segala usaha kita berdua tidak sia-sia. Saya rasa bersyukur kita akhirnya dapat memiliki rumah kita sendiri,” lafaz isteri Pak Kassan.

Beliau hanya membalas kenyataan isterinya dengan sebutir senyuman yang bermakna. Mereka terus menikmati pemandangan yang menyegarkan dari rumahnya di aras empat.

“Mari kita keluar bersiar-siar dan lihat keindahan kampung baru kita ini,” kata Pak Kassan sambil memegang erat tangan isterinya.

Kawasan perumahannya, yang juga dikenali sebagai *Kampung Admiralty*, semakin dipenuhi oleh penghuni-penghuni yang sebaya dengan Pak Kassan. Beberapa bulan yang lalu, heboh orang memperkatakan tentang rumah studio ini. Sangat laku. Macam pisang goreng panas. Mereka berebut-



rebut untuk mendapatkan rumah idaman ini kerana semuanya ada di depan mata. Pasar raya, beraneka kedai makan, tempat beriadah dan yang paling penting, sebuah poliklinik. Mudahlah bagi warga emas seperti Pak Kassan. Biasalah, orang tua senang diserang penyakit. Mereka ibarat kaca yang mudah rapuh. Pak Kassan beruntung kerana terpilih untuk mendapatkan sebuah rumah studio yang dikhaskan untuk warga emas ini.

Pihak pemerintah sememangnya prihatin tentang warga emas seperti Pak Kassan. Pemerintah telah banyak memberikan insentif dan wang **pukal** untuk memastikan golongan tua ini dapat menyara kehidupan seharian. Pak Kassan juga masih dapat terus bekerja kerana usia bersara telah dilanjutkan kepada 67.

Pak Kassan dan isteri sangat berterima kasih di atas sokongan yang telah diberikan. Jika tidak, mungkin mereka suami isteri tidak akan mampu menjalani kehidupan di negara yang pesat membangun seperti Singapura. Segalanya harus bergerak pantas. Segalanya serba-serbi mahal. Oleh itu, Pak Kassan harus terus bekerja.

Pak Kassan dan isterinya sempat menghidu udara segar di kebun bunga yang dikelilingi oleh tanam-tanaman yang menghijau itu. Mereka berdua **melabuhkan** punggung di tempat duduk yang berhampiran sambil memikirkan tentang nasib mereka. Mereka merenung jauh.

“Orang-orang dahulu kata, kalau kita ada ramai anak, dah tua nanti, kehidupan kita akan menjadi senang. Mungkin benar kata mereka,” luah Pak Kassan sambil memulakan bicaranya.

“Sudah ketentuan nasib kita seperti ini bang, kita redha sahaja. Insya Allah, moga-moga satu hari nanti, terbuka hati Hazril untuk menerima kita kembali,” pujuk isterinya.



Pak Kassan **mendengus** apabila mendengar nama anak tunggalnya itu. Dia bingkas bangun dari tempat duduknya lalu berpaut pada sebatang pokok rendang yang berdekatan. Pak Kassan mula menyalahi dirinya. Dia terlalu bergantung harap pada anak tunggalnya itu. Ramai orang telah cuba menasihati Pak Kassan agar merancang masa tuanya.

Pak Ali, Pak Yusof dan Pak Mail. Mereka semua tidak bergantung harap dengan anak mereka. Mereka bijak mengendalikan wang simpanan CPF mereka dan membuat pelaburan dalam hartanah agar pada hari tua nanti, banyaklah wang simpanan mereka nanti. Berlainan pula dengan Pak Kassan. Beliau pula telah menjual rumahnya kerana difikirkan, mereka berdua bolehlah berkongsi kesenangan anaknya. Pak Kassan pun boleh bersara.

“Kenapa jual rumah tanpa pengetahuan Hazril. Kenapa Ayah selalu buat keputusan tanpa berunding dengan saya dahulu? Mana Ayah dan ibu ingin tinggal nanti jika tidak ada rumah sendiri? Rumah Hazril?” tanya anak tunggal Pak Kassan bertalu-talu.

“Ayah ini sudah tua, Hazril. Takkan Ayah harus terus-menerus bekerja. Ayah fikir elok kita tinggal bersama. Anak kau pun masih kecil lagi. Bolehlah kami tolong tengok-tengokkan dia. Kita nak senang kau berdua. Bukan boleh percaya pembantu rumah. Kau tidak membaca surat khabar? Berapa banyak pembantu rumah yang sudah buat hal. Kau ini percaya sangat dengan orang luar,” leter Pak Kassan.

“Tidak bolehlah Ayah. Suzi pasti tidak setuju. Ibu bapanya ingin tinggal bersebelahan rumah pun dia tidak suka. Inikan Ayah dan ibu ingin tinggal sebumbung dengan kami. Janganlah **rumitkan** keadaan,” keluh Hazril.

“Kenapa dengan isteri kau itu? Orang di luar sana ingin sangat tinggal berdekatan dengan ibu bapa. Senang, boleh tolong jaga anak mereka. Tidak perlu membazir duit membayar pembantu rumah atau menghantar anak di pusat jagaan. Dia pula ingin tinggal berjauhan. Sombong betul,” jawab Pak Kassan.

“Jauh bau wangi Ayah, dekat bau bangkai,” balas Hazril ringkas.

“Habis itu, sekarang, Ayah ingin tinggal di mana? Macam inilah, buat sementara waktu, biarlah Ayah dan ibu tinggal di rumah kau sahaja. Tidak lama,” balas Pak Kassan tanpa memberi peluang kepada Hazril atau Suzi untuk membuat keputusan.

Hazril tinggal di sebuah rumah privet di kawasan Tampines. Sebagai seorang jurutera, sememangnya Hazril mampu untuk memiliki rumah **agam** di Singapura ini. Gaji Hazril sebagai seorang jurutera dan isterinya sebagai ahli perniagaan mampu menanggung rumah sebesar itu. Pak Kassan rasa bersyukur kerana anaknya berjaya dalam hidup.

Tidak sia-sia Pak Kassan bekerja keras untuk memberi pendidikan yang tinggi untuk anaknya. Namun, sejak anaknya berkahwin, segala-galanya berubah. Dia tidak mengendahkan kebajikan Pak Kassan dan isterinya. Dahulu, Hazril telah bermati-matian ingin membuat pilihan hidupnya sendiri. Dia tidak mahu ibu bapanya memilih calon isteri untuknya.

“Ibu ayah, sekarang ini zaman moden. Mana ada lagi orang yang ingin berkahwin tanpa mengenali dahulu antara satu sama lain. Itu semua **kuno!**” jawab Hazril dengan sinis.

“Inilah anak-anak zaman sekarang. Kuno, kuno, kuno. Macamlah mereka itu hebat sangat. Kita ini yang lebih makan garam daripada mereka,” kata Pak Kassan dalam nada marah.

“Biarlah Hazril membuat pilihan hidupnya sendiri, bang. Kita berikanlah dia peluang untuk menentukan masa depannya. Suzi itu pun apa kurangnya. Berpelajaran. Mungkin dia yang terbaik untuk anak kita,” pujuk isteri Pak Kassan.

“Berpelajaran konon. Aku masih ingat, sewaktu pertama kali Suzi berjumpa dengan kita. Perangainya sombong tidak bertempat. Salam pun tidak dengan kita. Tidak pernah aku jumpa orang hidung tinggi seperti nya,” terang Pak Kassan.



Pak Kassan sememangnya tidak berapa setuju dengan cara anak-anak zaman sekarang. Mereka terlalu bongkak. Mereka fikir, sudah berpelajaran tinggi, pandai sangatlah. Tidak perlu hiraukan orang tua yang sudah berikan mereka pendidikan yang tinggi itu. Biadab.

“Sepanjang Ayah dan Ibu tinggal di sini, aku tidak pernah melihat kamu berdua mendirikan solat. Sibuk memanjang. Usahlah disibukkan dengan harta dunia sehingga terlupa mengumpul harta untuk akhirat nanti. Cukuplah harta dunia yang sudah kamu ada sekarang,” leter Pak Kassan.

“Ayah ini tidak habis-habis berleter. Setiap kali kami pulang, ada sahaja yang nak ditegur. Sudahlah menumpang di rumah

kami, ada sahaja yang tidak kena. Kami ingin bebas di rumah sendiri, Ayah. Semua serba tidak kena sekarang. BOSANLAH!” bidas Suzi.

Pak Kassan terus menghayunkan tangannya dan hampir ke muka menantunya yang biadab itu. Sudah lama dia menahan diperli oleh menantunya yang kononnya anak orang kaya. Berlagak. Tiada adab. Hazril menahan tangan Pak Kassan. Hazril sudah tidak dapat mengawal kesabarannya lagi.

“Ayah, kalau Ayah tidak suka tinggal di sini lagi, tidak senang melihat perangai kami berdua, Ayah dan Ibu boleh dipersilakan keluar dari rumah kami ini!” bentak Hazril.

Ibunya terus jatuh tersungkur mendengar kata-kata yang diluahkan oleh anaknya. Hatinya **luluh**. Pak Kassan tidak akan dapat memaafkan anaknya. Hazril tergamak mengherdik dan menghina ibu bapanya semata-mata untuk melindungi isterinya. Dia tidak menyangka bahawa anaknya tergamak menghalau mereka dari rumah. Sehingga dia dan isteri membawa diri dan bermalam di tepi pantai yang berdekatan. Nasib baiklah Pak Ali, Pak Yusof dan Pak Mail ada. Merekalah yang telah banyak membantu ketika Pak Kassan berada dalam kesusahan. Merekalah yang telah menawarkan untuk tinggal di rumah mereka sebagai tempat berteduh sementara Pak Kassan menunggu pemilikan rumah studio tersebut diluluskan. Namun, Pak Kassan dan isteri tidak mahu menyusahkan sesiapa lagi. Biarlah mereka berdua mengharungi episod yang perih ini bersama-sama. Mereka mengambil keputusan untuk menyewa bilik sahaja buat sementara waktu.



Pak Kassan masih berpaut pada pohon yang rendang itu. Matanya mula berkaca. Perasaannya bercampur aduk. **Sebak**. Marah. Namun, itu semua ingin dilupakan oleh Pak Kassan. Isterinya sering menasihatinya untuk tidak berdendam dengan anak sendiri. Pak Kassan bersyukur kerana mempunyai seorang isteri yang sentiasa berada di sisinya di kala waktu susah dan senang. Dialah pembakar semangat bagi Pak Kassan.

Pak Kassan menghela nafas yang panjang. Kali ini, mereka berdua akan menjalani fasa baru dalam kehidupan mereka. Fasa yang mencabar. Tanpa bergantung harap pada anaknya lagi. Namun, hidup perlu diteruskan.

Mereka harus berani mengatasi segala cabaran dan sentiasa berbuat baik. Itulah falsafah yang akan dipegang oleh mereka berdua sehingga akhir hayat. Pak Kassan memandang isterinya sambil tersenyum. Namun, senyuman yang diberikan terpalit ketidakpercayaan.

- Selesai -

Glosari



agam – besar, tegap

kuno – lama atau tua

ligat – pantas, sangat cepat gerakannya

luluh – hancur menjadi serbuk, remuk

melabuhkan – menjatuhkan atau menurunkan

mendengus – mengeluarkan bunyi seperti hembusan nafas dengan kuat

penggera – alat memberi isyarat, alat untuk menakut-nakutkan

pukal – kuantiti yang banyak

rumitkan – sukarkan, susahkan

sebak – sedih, terharu

Dendam

Siti Faridah Omar





Biodata Penulis



Siti Faridah Omar

Cikgu Siti Faridah Omar mula mengajar pada tahun 1990. Beliau kini bertugas di Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS). Beliau menulis untuk memanfaatkan masa lapang yang terluang. Penulis kegemaran beliau ialah Khadijah Hashim dan Aisya Sofea.

Mataku merenung tajam **susuk** tubuh wanita separuh umur yang berdiri kaku merenung jauh dibelai kenangan silam. Hanya kaca cermin tebal itu sahaja menjadi pemisah antara kami. Aku belum bersedia menemuinya. Dari jauh, semakin lama aku memandangnya, semakin membara api kebencian yang selama ini masih membakar dalam jiwa kecil ini. Mampukah aku memaafkannya satu hari nanti?

“Maaf, bolehkah saya duduk di sini?” Senyuman manis cuba diukir untuk menandakan yang dia hanya ingin berkawan.

Zarith pun meletakkan beg dan dulang berisi secawan air dan sepinggan mi yang baru dibelinya di atas meja kosong itu. Susuk tubuh kecil gadis manis berambut lurus dan berkulit cerah kemerahan itu menjadi perhatiannya sejak dia melangkah masuk ke kafeteria di universiti itu. Sese kali ketika dia **mencuri pandang**, seakan terasa pernah mengenali gadis tersebut tapi kurang pasti di mana. Ingin rasanya untuk memulakan perbualan tapi terasa **kekok** dan sekaligus perasaan segan menyelubungi hatinya.

Baru sahaja dia ingin menyuap makanan ke mulutnya, tetiba terdengar esakan tangisan yang semakin kuat dari hujung meja tersebut. Sambil memandang ke kiri dan kanan kawasan itu, Zarith menggagahkan dirinya untuk bangun dan merapati gadis yang sedang menutup kedua-dua belah tangan ke mukanya lalu memberi salam. Tiba-tiba, gadis itu mula mengemas barang-barangnya dan dengan kelam-kabut, ingin meninggalkan tempat itu.



“Kalau Rin perlukan sedikit masa lagi, Kak Yati boleh beritahunya untuk pulang. Tetapi Kak Yati ingin Rin fikir dahulu sebelum bertindak. Kasihankan dia Rin. Dari jauh dia datang untuk bertemu dengan Rin. Bukan sekali dua. Rin duduk di sini dahulu dan fikirkan apa yang kakak cakap. Kak Yati harus ke pejabat untuk uruskan sesuatu. Sekejap lagi Kak Yati datang lagi, ya.” Kak Yati merupakan pegawai yang sudah lama bertugas di situ. Orangnyanya baik, mudah mesra, peramah dan prihatin terhadap perasaan penghuni di situ. Wajahnya yang manis dan tutur kata yang lembut sering dapat meredakan dan memujuk perasaan yang marah. Mungkin jika perkara itu tidak berlaku, sudah lama aku mengecap kebebasan dan kebahagiaan di luar sana. Mungkin sudahpun berupaya meneruskan pelajaran ke menara gading dan menjelajah dunia. Bukannya terkurung dalam neraka dunia berjeriji besi ini, menderita dan menanggung kesalahan yang tidak pernah aku lakukan. Aku sangat hampa.



“Sharizan? *You* Sharizan Ismail, bukan? Masih ingat saya? Zarith Jamal?”

“Kita dari maktab rendah yang sama dahulu. Oh, maaf. Mungkin you tak kenal I sangat. Tapi I kenal you.” Genggaman tangan yang sebentar tadi erat **terpaut** tiba-tiba dilepaskan.

“Zarith Jamal?”

“Hmm... *what a changed person. A different Zarith. What happened?*” Soalan bertubi-tubi dilepaskan. Esakan tangisan sebentar tadi sudah tidak didengar. Wajah sedih bertukar terkejut. Punggung kecil direbahkan semula ke bangku keras sambil mengemas barang-barang ke dalam beg besarnya itu. Aku hanya mampu tersenyum menerima semua soalan yang diajukan. Aku gembira dia masih ingat pada diri **kerdil** ini yang dahulunya dianggap tidak pernah wujud.

Syukur. Perasaan cintanya terhadap Zan tidak pernah luntur kerana wanita itu merupakan cinta kasihnya yang pertama sejak mereka di maktab rendah lagi. Usaha gigih untuk mendapatkan perhatian cinta hatinya itu mula membuahkan hasil ketika mereka di universiti. Tidak disangka, Sang Pencipta membantu membuka jalan untuk dia berupaya mendekati cinta hatinya walaupun sebelum ini kewujudannya tidak pernah diketahui.

Zarith amat bersyukur wanita itu dapat merasakan keikhlasannya sehinggalah mereka berjaya membina mahligai yang diharapkan akan berkekalan hingga ke Jannah.



“Kak Yati faham perasaan Rin. Nasihat Kak Yati, temuilah dia kali ini.”

“Kak Yati pasti dia ada sesuatu yang ingin disampaikan kepada Rin. Kita ini hanya manusia biasa, Rin. Berikanlah dia peluang. Ingat, Allah penentu segalanya. Tidak akan rugi seseorang hamba Allah itu jika dapat memaafkan sesama insan. Apatah lagi darah daging sendiri.” Pujukan Kak Yati itu sedikit sebanyak berjaya menembusi tembok hatiku yang keras ini.

Aku belum berani berdepan dengannya. Walaupun sudah dua tahun aku dicampakkan di sini, seperti berzaman seksaannya. Tidak pernah sekali pun aku melihat wajahnya.

Mengapa sekarang baru dia muncul? Adakah benar merindui aku atau hanya sekadar mahu melihat betapa deritanya satu-satunya darah dagingnya dipenjara di sini tanpa belaian dan kasih sayang kedua-dua Papa dan Mama yang sepatutnya melindungi aku.



Fikirannya jauh melayang. Suasana dingin di bilik menunggu itu membuatnya tidak tenteram. Hari itu sudah masuk lima kali dia ke situ tetapi masih belum berpeluang memenuhi hajatnya. Ada sahaja alasan mereka berikan kepadanya. Walaupun sudah berbuih dia menerangkan hajatnya ke situ namun permintaannya masih tetap belum dapat dipenuhi.



Kali ini dia tidak akan mengaku kalah. Akan ditunggunya di situ sehinggalah mendapat peluang itu. Dia hanya ingin menatap wajah darah dagingnya itu buat pertama kali dan menerangkan keadaan sebenar. Dia akur sudah mula merinduinya setelah selama dua tahun terpisah daripadanya. Dia akur akan kesilapannya juga yang memilih tempat itu dengan alasan agar dapat diberikan bantuan yang sewajarnya.

Sambil menatap potret yang digenggamnya itu, terbayang seketika saat-saat indah ketika cinta **bertakhta** di sanubari dua insan yang saling memerlukan. Kekuatan cinta mereka diperkukuh dengan kehadiran cahaya mata comel yang mengisi kekosongan hidup mereka. Puteri comel yang melengkapkan keluarga bahagia itu. Zarina Sofea Binti Zarith.

Sejak kelahiran puteri tunggal mereka itu, hidup mereka semakin bahagia. Rezeki mereka juga bertambah dengan kemajuan syarikat guaman Zarith. Sharizan juga seorang arkitek yang berjaya. Masing-masing mengejar kerjaya dan mengumpul harta dunia yang mereka anggap akan mengeratkan kasih sayang dan mengekalkan kebahagiaan rumah tangga mereka berdua. Namun, tugas mengasuh dan membesarkan Zarina atau Rin, nama panggilan manja, diserahkan kepada pembantu rumah yang silih berganti. Masa bekerja yang panjang menyebabkan mereka jarang meluangkan masa untuk si kecil. Acapkali salah seorang daripada mereka akan bertugas di luar negara untuk beberapa minggu. Tanpa disedari, kesibukan itu yang semakin lama mengakibatkan berputiknya kerenggangan antara mereka suami isteri dan puteri mereka.



Aku sudah berubah, Zan. Aku bukan Musa dulu yang pernah engkau kenali. Ya, aku mengaku berdosa terhadap kau kerana meninggalkan kau begitu sahaja. Aku terdesak dan bingung. Aku tidak bersedia. Aku terlalu muda ketika itu. Segala-galanya aku berjaya miliki kini dan kau pasti akan dapat hidup mewah dan bahagia denganku. Aku kembali ke sini hanya kerana kau, Zan. Jika aku tidak berupaya mendapatkan kau, Zan, tidak akan ada orang lain yang boleh mendampingi kau! Renungan tajam itu merangkul niat yang lama terpendam di sanubarinya. Sharizan akan dimilikinya walau apa rintangan yang bakal menghalang. Dia pasti Sharizan juga masih menaruh perasaan cinta terhadapnya. Jika tidak, mana mungkin Zan menerima tawaran untuk projeknya itu. Mungkin dengan cara ini, akan memudahkan mereka sering bertemu dan merapatkan semula hubungan kasih yang kian lama terpisah atas desakan keadaan. Senyuman **sinis** tiba-tiba terpacak di hujung bibir yang akan menjanjikan seribu kemanisan bagi insan istimewa itu.



Terasa debaran jantungnya semakin memuncak. Kereta Honda merah di hadapannya memang kepunyaan isterinya. Memang tepat sekali maklumat yang diberikan teman rapatnya itu. Namun, Zarith cuba menahan kesabarannya dan tidak mahu terus menyayangi isterinya selagi dia tidak melihat sendiri kejadian itu berlaku di hadapan matanya. Tetapi mengapa harus di kelab malam?

Tidakkah isterinya itu mengingatkan dia dan puterinya itu sebelum dia bertindak melakukan perkara terkutuk itu? Siapakah pula yang tergamak ingin meruntuhkan mahligai yang selama ini dibina atas dasar cinta yang mendalam? Dia tidak pernah bermusuhan dengan sesiapa. Tidak sesekali dia menyangka isteri yang selama ini amat disayanginya itu akan melakukan perkara terkutuk itu di hadapan matanya sendiri.



Memang mudah kata-kata maaf itu diucapkan tetapi tidak semudah melakukannya. Kebencian yang selama ini terkumpul kukuh dalam hati ini tidak mungkin dapat luput dalam sekelip mata. Keputusan untuk tidak menggugurkan kandunganku itu merupakan keputusan pertama yang aku ambil walau aku tahu banyak masalah akan kutempuh. Aku tidak mahu menjadi pembunuh. Aku tidak tergamak. Aku terpaksa melahirkannya dalam keadaan tidak cukup bulan kerana menghadapi komplikasi semasa lima bulan mengandung. Kehilangan yang amat mengecewakanku. Aku redha jika itu ketentuan Illahi.




“Abang?? Apa abang buat di sini? Kebetulan, Zan dengan klien! Mari Zan kenalkan. Ini Encik Musa, teman lama semasa di sekolah dahulu. Kami sedang bincang mengenai projek terkini bersama.” Musa bangun sambil menghulurkan tangan namun tidak disambut oleh Zarith. Dua pasang mata merenung tajam ke arah masing-masing tanpa sepatah kata diucapkan.

Sharizan semakin bingung dan tidak pasti mengapa tiba-tiba Zarith muncul di tempat itu dan bersikap begitu terhadap kliennya. Selama ini Zarith tidak pernah peduli akan apa yang dia lakukan. Beberapa saat kemudian, Musa mencapai jaketnya dan mula melangkah pergi dari tempat itu dengan melemparkan senyuman sinis terhadap Zarith. Tanpa sepatah kata, Zarith memindahkan tumpuannya ke arah isterinya yang sedang memerhatikan tingkah lakunya sejak tadi. Satu tamparan hinggap ke pipi lembut wanita bertubuh kecil itu sehingga Sharizan jatuh terduduk di sofa besar itu. Ketika itu, Zarith tidak mampu untuk berkata apa-apa kerana hatinya terlalu hancur melihat insan kesayangannya itu melakukan kecurangan di hadapan matanya sendiri.



“Maafkan Papa, sayang. Selama ini Papa tidak pernah pentingkan sayang. Papa sibuk mengejar harta dunia dan kemewahan yang Papa ingat dapat menggantikan kasih sayang Papa pada sayang dan Mama. Papa lupa bahawa Rin dan Mama juga perlukan kehadiran dan belaian Papa. Mungkin Rin masih terlalu kecil untuk mengetahui **dilema** dan perasaan Papa sekarang ini. Papa harap, apabila Rin sudah dewasa nanti, Rin dapat maafkan Papa dan memahami mengapa Papa bertindak membuat keputusan untuk pergi.

Mama inginkan kebebasan dan Papa tidak mahu Mama terus **bergelumang** dengan dosa. Papa bersedia melepaskannya tapi Papa rasa terkilan kerana tidak berjaya mengekalkan kebahagiaan dan kasih sayang dalam rumah tangga Papa ini. Papa masih sayangkan kamu berdua. Jika ikutkan hati, mahu sahaja Papa bawa sayang pergi bersama Papa membawa hati yang remuk ini. Namun, Papa tahu sayang akan lebih terjaga bersama Mama.



“Mengapa *you* tergamak lakukan perkara terkutuk ini? *You* tak sedarkah bahawa *you* ni seorang isteri, Mama kepada anak kita dan tanggungjawab itu *you* sanggup abaikan demi orang lain!” Suara Zarith bergetar menahan kemarahan yang kian meluap-luap.

Kebahagiaan yang selama hampir 20 tahun dipertahankan mula dirasakan semakin hambar dan pudar sedikit demi sedikit. Sharizan cuba menahan tangisannya untuk menerangkan duduk perkara sebenar namun tidak berjaya. Tuduhan Zarith datang melulu. Sharizan tidak mampu mempertahankan dirinya walau dia tahu semua tuduhan itu fitnah semata-mata. Dia tidak berdaya menepis semua itu walau masih berharap diberi peluang menjelaskan duduk perkara sebenar. Namun tanpa disangkanya, Zarith telah melangkah keluar dari rumah itu tanpa sebarang alasan, meninggalkannya dan puteri mereka, sekaligus keluar berlalu pergi dari hatinya yang semakin remuk itu.



“Rin, kenalkan, ini *Uncle Musa*. Teman Mama sewaktu di universiti dahulu.” Sekian lama wajah yang bermandi duka tiba-tiba bersinar ceria. Aku gembira melihat Mama begitu setelah bermacam-macam cara aku lakukan untuk menceriakannya sebelum ini. Pemergian Papa amat mengejutkan kami dan meninggalkan kesan yang amat perit. Perubahan Mama itu amat menggembirakanku walaupun aku kurang pasti apa puncanya.

Not bad juga anak gadis Zan ini. Comel. Macam mamanya. *I like! She looks like a good girl. Uncle Musa like good girls! If I can't get Mama, baby Mama pun boleh. She's perfect!* Mata liarnya tidak henti menatap susuk tubuh kecil yang hadir di hadapan matanya, seperti sang pemburu menunggu untuk meratah mangsanya.

Tenang Musa. Kau harus sabar. Pasti ada kesempatan untuk mengenali si comel ini dengan lebih dekat lagi. Yang penting sekarang, kau harus bina kepercayaan dalam hati Zan sebelum kau berupaya dekati anaknya. Kau harus bijak mengatur langkahmu. Bisikan kata-kata yang mula membangkitkan semangat dan hasrat Musa untuk meneruskan niat yang terpendam itu.



“Apa khabar *Uncle Musa*. Saya Zarina. Anak Puan Sharizan.” Tiba-tiba, perasaan gementar menyelinap ke seluruh tubuh ini apabila terasa sepasang mata liar menjelajahi tubuh ini dan salamanku digenggam erat seakan-akan tidak mahu dilepaskan oleh jejeri kasar itu. Aku lantas cuba melepaskan genggamannya ngeri itu dan melangkah pergi dengan perasaan marah tetapi cuba mengelakkan daripada disedari Mama. Aku berasa ada sesuatu yang tidak kena dengan tetamu itu.

Aku tidak begitu menyukainya. Aku berdoa agar dia hanya setakat teman biasa Mama atau kliennya. Aku kurang selesa dengan cara dia menenungku dan juga tabiat Mama yang suka membawa teman-teman lelaki berkunjung ke rumah untuk berbincang hal kerja. Aku juga perlukan ruang privasi di rumah itu.



Lamunannya terhenti seketika, dikejutkan oleh bunyi pintu dibuka. Dia diberitahu bahawa harus menunggu dalam setengah jam lagi sebelum dapat berjumpa dengan darah dagingnya itu. Alhamdulillah, doanya akhirnya termakbul juga. Foto kecil dia bersama bekas suaminya dan juga puterinya itu ditatapnya dengan penuh harapan. Tanpa disedari, air mata mula berguguran. Terkenang akan kebahagiaan yang telah dikecapi hampir 20 tahun lamanya. Namun, semuanya hilang dalam sekelip mata.

Maafkan Zan, abang. Ini semua tidak akan berlaku jika Zan tidak menurut perasaan. Zan berdosa terhadap abang dan Rin. Zan kesal. Zan sepatutnya lebih kuat mempertahankan cinta yang telah kita bina selama ini. Zan sepatutnya tidak mudah diperdaya dan disesatkan dengan nafsu yang mengaburi segala kebahagiaan yang diperoleh selama ini. Zan berdosa. Maafkan Zan. Maafkan Mama, Rin. Hati kecilnya bagai dirobek hancur. Tiada siapa yang harus dipersalahkan kecuali dirinya sendiri. Kekesalan yang tidak terhingga meragut hatinya ketika itu. Sekiranya dapat diputar waktu, ingin sahaja dia mengubah segalanya.



“Apa khabar, Rin? Maaf, saya mengganggu. Puan Sharizan ada? Katanya dia akan sampai dalam jam tujuh malam.”

Tidak sampai hati pula untuk membiarkan *Uncle* Musa di luar sahaja. Kopi yang kubancuh siap untuk dihidangkan kepada tetamu Mama itu. Aku kehairanan, mengapa Mama tidak menelefon atau meninggalkan pesan mengenai kehadiran tetamu ini. Terasa kurang selesa bersendirian dengan tetamu yang kurang dikenali walau pernah bertemu dengannya sekali dua, lebih-lebih lagi apabila teringatkan peristiwa pertama kali berjumpa dan bersalaman dengannya. Macam ada sesuatu mengenai tetamu Mama ini yang tidak kena dan tidak kusenangi.

Aku cuba mengikis perasaan tersebut dengan alasan bahawa itu semua hanyalah permainan perasaan. Tibanya aku di ruang tamu dengan menatang dulang berisi secawan kopi, aku dapati tetamu itu tiada di situ. Mungkin ke tandas, fikirku. Lama juga aku menunggu tetapi tetamu itu tidak juga muncul tiba.

Tiba-tiba, aku rasa seperti tidak berupaya bernafas. Pandangan di sekelilingku mula berpusing dan perlahan-lahan pudar. Aku cuba membuka mata. Terasa sakit di kepala seperti dihantuk sesuatu. Aku tiba-tiba sedari apa yang telah berlaku lalu menangi nasib malangku di rumahku sendiri. Mama tidak adil! Pada siapa harus kumengadu? Aku pasti Mama tidak akan percayai perkara ini berlaku. Takut. Bingung. Marah. Jijik. Aku tidak tahu apa yang harus aku lakukan.


Pagi itu, aku cuba menceritakan kepada Mama apa yang telah berlaku. Namun, Mama terlalu sibuk dan tiada masa. Aku berasa amat tertekan. Fikiranku semakin tidak tenteram dan kusut setiap kali aku terkenangkan peristiwa pahit itu. Di sekolah, teman-teman asyik bertanya akan kesihatanku kerana jelas kelihatan wajahku yang semakin pucat dan perubahan pada sikapku yang mendadak. Dari seorang gadis yang ceria dan sentiasa bergurau senda, aku tiba-tiba lebih senang bersendirian dan cuba meluahkan perasaanku melalui lukisan-lukisan di diari peribadiku. Tiada siapa yang mengerti perasaan dan keadaanku ketika itu. Aku seperti berada dalam dunia yang gelap dan senantiasa mencari suatu cahaya yang dapat membantuku keluar dari kegelapan tersebut.

Di mana kau Papa saat aku amat memerlukanmu? Semakin hari aku mula hanyut dalam masalah yang kutanggung itu. Aku mula mengambil ubat penenang untuk membantuku lari dari semua masalah. Aku sering dibawa ke dalam dunia khayal yang dapat melegakan tekanan yang kurasai. Ada ketika sehingga aku tidak sedarkan diri dan terpaksa dibawa ke hospital untuk diberikan rawatan kecemasan. Di hospital, Mama dikejutkan dengan berita bahawa aku sedang hamil tiga bulan. Aku seperti tidak percaya dan terasa dunia semakin gelap untukku. Mau sahaja aku menghabiskan riwayatku ketika itu. Mujur jururawat di situ datang tepat pada waktu dan menghalang niatku itu. Selama dua minggu aku di hospital, tidak sekali pun Mama datang menjengukku. Aku cuba menghubungi Mama. Mama tidak mahu membalas panggilanaku.

Aku hanya menerima sekeping kad daripada Mama yang meluahkan betapa hancur hatinya dengan perbuatanku. Dia berasa malu mendapat anak seperti aku dan mengatakan agak sukar untuk dia memaafkan perbuatan terkutukku itu. Dia juga memberitahuku bahawa dia telah mengambil keputusan untuk menempatkanku di rumah tumpangan untuk aku menjalani rawatan rehabilitasi. Mama juga mahu aku membuang kandunganku itu jika aku masih menyayanginya. Mama, tergamak kau meninggalkanku di saat aku amat memerlukan kasihmu.



“Mengapa saya dibawa ke bilik ini, Musa? Mana rakan-rakan lain yang sepatutnya hadir? Haruskah kita menunggu mereka di bilik mesyuarat? Saya kurang selesa berada di sini. Boleh kita beredar dari sini sebelum timbulnya salah sangka?” Musa hanya tersenyum sambil melangkah ke arah pintu dan menguncinya. Semakin berderau dada Sharizan melihat tingkah laku Musa yang selama ini dipercayainya.



Sharizan berdiri kaku di suatu sudut bilik itu tatkala mendengar pengakuan Musa itu. Air matanya jatuh berguguran dan dia mula meraung kesedihan apabila teringatkan anak tunggalnya itu. Terasa kejam dirinya kerana tidak memberi peluang kepada puterinya itu untuk menjelaskan perkara yang sebenar. Rin menjadi mangsa nafsu buas orang yang dipercayainya. Tergamak Musa menjadikan anak tunggal kesayangannya itu mangsa.

Sharizan menyesal. Dengan segera, Sharizan mencapai beg tangannya dan mengeluarkan pisau kecil yang sentiasa dibawa ke mana sahaja untuk mempertahankan diri. Pisau itu diacukan ke arah Musa dan menyuruhnya membuka pintu bilik hotel tersebut. Musa tertawa melihat gelagat wanita bertubuh kecil itu maju menghunuskan pisau ke arahnya. Sharizan menggagahi dirinya. Musa menolaknya ke lantai. Dengan sekuat kudrat, Sharizan menusukkan pisau kecilnya itu lalu mengelar ke bahagian peha Musa.

Sharizan dengan segera mengambil peluang itu untuk melepaskan dirinya dan lari keluar dari bilik hotel itu. Dia lantas berlari mendapatkan bantuan dari pihak hotel sehingga Musa diberkas dan dijatuhkan hukuman yang setimpal.



“Mama. Maafkan Rin, Mama. Rin kejam. Rin berdosa terhadap Mama.” Suaraku terketar-ketar sambil kugagahi langkah untuk mendekati wanita itu. Air mata yang berguguran seolah-olah membasuh dosa semalam. Tatkala dia perlahan-lahan memalingkan tubuhnya ke arah suaraku, ketika itu jugalah aku tidak dapat menahan sebak di dada ini kerana terlalu merindukannya.

“Rin, sayang Mama!”

“Mama rindukan Rin. Maafkan Mama. Mama berdosa terhadap Rin. Mama kesal. Mama yang bersalah, Rin. Rin anak yang baik. Rin mangsa keadaan, nak. Mama bersalah kerana tidak mahu mendengar penjelasan Rin dahulu. Mama ikutkan perasaan. Ampunkan Mama!”

Pelukan erat dua insan yang terpisah menghangatkan bilik dingin itu. Dalam kehangatan pelukan Mama, aku cuba memaafkannya. Aku sedari bukan mudah untuk aku lupakan segalanya dalam sekelip mata. Aku akan terus berusaha membina semula ikatan kasih sayang yang lama terpisah ini dan membantu Mama untuk terus tabah menjalani kehidupan yang penuh berliku. Segalanya akan kuserahkan kepada Ilahi untuk menentukan perjalanan seterusnya.

- Selesai -



Glosari



bergelumang – berlumur, penuh dengan lumpur

bertahta – bertempat dalam hati seseorang

dilema – Keadaan yang menyebabkan sukarnya membuat pilihan

kekok – kaku ketika berbuat sesuatu, tidak biasa

kerdil – kecil

mencuri pandang – memandang dengan cepat lalu menoleh ke arah lain

nafsu – keinginan

terpaut – terikat atau tertambat rasa kasih

sinis – bersifat mengejek atau memandang rendah

susuk – bentuk, badan, tubuh

Sangka

Siti Norashikin Hassan





Biodata Penulis



Siti Norashikin Hassan

Cikgu Siti Norashikin Hassan mula mengajar pada tahun 1996. Kini bertugas di Sekolah Menengah Deyi. Pertama sekali, beliau menulis sebagai usaha untuk menarik minat para pelajarnya untuk membaca dan menghayati karya kreatif. Kedua, beliau yakin cerpen boleh dijadikan sebagai wadah untuk berkongsi sesuatu isu, persoalan atau pengalaman untuk difikirkan agar dapat dijadikan renungan bersama. Penulis kegemaran beliau ialah Prof.Hamka, Zurinah Hassan dan Faisal Tehrani.

Suasana tenang tiba-tiba menjadi gempar. Berita kematian Pak Samad memeranjatkan semua yang mengenalinya. Termasuk juga aku. Pak Samad yang rajin ke masjid dengan kopiah putih tidak pernah lepas dari kepalanya mati dibunuh dalam keadaan yang sungguh mengerikan! Allahyarham ditemui berlumuran darah dengan beberapa liang tikaman di perutnya. Sebilah pisau ditemui tidak jauh dari lokasi kejadian. Pelbagai reaksi timbul dari berita pembunuhan tersebut. Ke mana sahaja aku pergi, kisah Pak Samad mati dibunuh menjadi bahan perbualan jiran tetangga. Namun, pokok bicara yang hangat diperkatakan bukanlah pembunuhan itu sebenarnya, tetapi lokasi pembunuhan tersebut berlaku! Pak Samad mati dibunuh dalam keadaan yang memalukan!

“Apa dia buat di situ malam-malam buta?”

“Dasar orang tua tak sedar diri! Rumah dah kata pergi, kubur kata mari, masih ada hati nak menggatal!”

Aku tidak dapat menelan kata-kata nista yang dilemparkan kepada arwah Pak Samad. Itu semua fitnah! Cerita karut! Mana mungkin Pak Samad yang kukenal betul, begitu perangnya. Begitu besar jasanya kepadaku dan anak-anak muda di estet kejiranan ini. Mereka yang melemparkan **tohman** terhadap arwahnya tidak kenal siapa Pak Samad sebenarnya.

“Ramai juga yang mengiringi jenazahnya ke kuburan, ya!” Haji Bidin bersuara dengan renungan sinis memandang beberapa jiran tetangga yang berada di kawasan tanah perkuburan petang Jumaat itu. Mujur urusan **bedah siasat** selesai awal. Dapatlah disempurnakan jenazah Pak Samad untuk disembahyangkan di masjid selepas solat Jumaat. Dikira rambang, tak kurang seribu jemaah yang menyembahyangkannya.



“Aku kesal betul dengan arwah Si Samad. Konon warak. Ahli ibadat. Ke masjid setiap lima waktu. Berkopiah. Berjubah. Sembahyang sunat tak pernah tinggal. Rajin mengaji...” Haji Bidin mengeluh dalam, “Satu masjid dikelentongnya hidup-hidup! Kita mati-mati ingat dia ni pasti calon ahli syurga. Darjatnya lebih tinggi daripada kita semua! Rupa-rupanya, kita semua tertipu!” Haji Bidin menggeleng-gelengkan kepala.

“Sudahlah Pak Bidin. Arwah dah meninggal. Tak baik berkata begitu. Kalau terbukti tuduhan Pak Bidin salah, bagaimana nak minta maaf daripada arwah?” Fauzan, kawan baikku, cuba menghentikan serangan Haji Bidin terhadap arwah Pak Samad.

“Kalau aku betul, bagaimana?” Haji Bidin memahat cabaran disaksikan tanah kubur yang kemerahan.

Malam itu, aku dan Fauzan bersembang di ruang masuk masjid. Angin malam selepas Isyak agak dingin. Guruh di langit kelam memberi salam. Kenangan demi kenangan bersama Pak Samad menari di ruang ingatan kami.

Dahulu, aku dan Fauzan kerap menonton sesi berjudi di estet perumahan kami. Kami turut berjudi walaupun setakat bertaruh jumlah yang kecil. Taruhan kami pasukan bola sepak atau ahli gusti yang menang dalam siaran televisyen di kedai kopi milik Tauke Chin.

Ramai anak muda seperti kami yang sibuk mencari ruang di kedai kopi untuk menonton pelbagai pertandingan di televisyen yang memungkinkan kami berjudi. Menang atau kalah tidak menjadi soal kerana pasti ada sekumpulan abang yang sedia meminjamkan wang untuk kami kekal bertahan di situ. Sebagai ganti, kami sering diminta untuk membuat kacau di beberapa tempat untuk mengganggu perniagaan orang lain. Ada waktu kami hanya perlu menyimbah cat di pintu atau halaman rumah orang yang gagal melunaskan hutang.

“Ini kerja baik. Kau tolong orang ingat perlunya tepati janji. Janji mesti ditepati. Hutang mesti dibayar. Duit yang kita dapat balik boleh tolong orang lain pula.” Itulah pujukan Ah Tong yang membuat kami sedia berjudi, berhutang dan ‘menolong’ orang pada waktu yang sama. Permainan kata Ah Tong begitu berkesan sekali. Ramai remaja terjebak sama. Aku sendiri dapat lihat Ah Tong semakin kaya manakala kami ‘orang suruhannya’ bertambah papa dan hilang arah hidup.

Mujur suatu hari, Pak Samad berjaya menangkap aku dan Fauzan yang sedang cuba menyimbah cat ke sebuah unit rumah flat tingkat bawah. Pak Samad muncul secara tiba-tiba dan memulas kedua-dua tanganku dan Fauzan. Genggamannya amat luar biasa hingga kami terasa lemah serta-merta. Pak Samad membawa kami berjumpa Ah Tong. Beliau berbicara ringkas sahaja dalam bahasa Hokkien. Ah Tong bersalaman dengan beliau, menunduk hormat dan terus menyuruh kami agar jangan datang berjumpa dengannya lagi.

Semenjak hari itu, kami sering tertanya-tanya siapakah gerangan Pak Samad sebenarnya sehingga begitu dihormati oleh ketua samseng paling digeruni di sini. Menurut datuk, dia pendarang dari negara jiran. Beliau tiba di sini semasa Jepun menyerang Singapura. Sebagai tenaga sukarela yang bekerjasama dengan tentera British, Pak Samad terlibat dalam usaha mengumpulkan maklumat sulit pergerakan tentera Jepun di Singapura dan



Johor. Menurut cerita orang-orang tua, Pak Samad turut terlibat dalam misi **penyeludupan** senjata untuk tentera perikatan British dan Australia di sini. Selain itu, beliau beberapa kali mengetuai misi membebaskan beberapa tahanan Cina di kem tentera Jepun.

“Pak Samad yang menyelamatkan nenek aku dari menjadi hamba seks tentera Jepun. Semua anggota keluarga aku amat terhutang budi dengan Pak Samad. Kau tahu, dia jugalah yang sembunyikan kakak dan abang aku di dalam bilik surau untuk beberapa hari supaya tidak ditangkap Jepun. Sepanjang waktu itu, mereka dijaga dengan baik oleh orang-orang di surau...” Ah Tong mendedahkan cerita ketika ditanya mengapa dia amat menghormati Pak Samad.

Pak Samad memang baik, aku dan Fauzan antara remaja yang diselamatkan daripada terlibat dalam masalah sosial. Usahnya mendekati remaja di kolong-kolong blok berkesan dalam menarik ramai antara kami keluar daripada kejahilan agama dan mula sedar tentang kepentingan pelajaran. Kami yang dahulunya tidak kenal halal haram dan tidak kenal tikar sejadah sudah mula menjinakkan diri dengan masjid. Dari arwahlah kami belajar mengaji dan mengenal al-Quran walaupun merangkak-rangkak pada mulanya. Banyak ilmu agama yang dicurahkan kepada kami yang jahil ini.

Sikap dermawan Pak Samad juga memang terserlah. Beliau banyak membelanjakan wang pencennya untuk membantu persekolahan para pelajar miskin di samping menderma untuk pembinaan sudut belajar di dua kolong flat di kawasan perumahan kami. Sepuluh buah basikal percuma disediakan untuk kegunaan para belia menjalankan kegiatan riadah dan beramal bersamanya seperti mengunjungi rumah orang-orang tua dan keluarga kurang upaya. Pak Samad menganggap semua belia dan jemaah di masjid sebagai ahli keluarganya. Mentelah beliau hidup sebatang kara. Isterinya meninggal dunia sebelum sempat mengurniaknya seorang zuriat.

Namun, tidak semua yang sependapat dengan kami tentang Pak Samad.

Keesokan harinya, Kak Leha, jiran seblok denganku, menjaja cerita baharu tentang arwah Pak Samad. Kononnya, arwah Pak Samad gila seks. Beliau sering ke kawasan maksiat bukan untuk membawa mereka yang rosak akhlak balik ke pangkal jalan. Beliau pura-pura berbaik dengan kupu-kupu malam. Beliau berikan wang bulanan kepada wanita yang menjadi pujaan hatinya. Kebaikan yang ditaburkan sekadar menutup kemaksiatan yang dilakukannya.

“Kau sendiri nampak dalam gambar ni! Dia tak pakai jubah dan kopiah pun! Dia cuma pakai kemeja-T dan seluar panjang biasa semasa dibunuh. Mana jubah dan kopiahnya?” Kak Leha menunjukkan kepada jiran tetangganya laporan akhbar yang baru dibeli. Ramai yang mengangguk-anggukkan kepala.

“Tak sangka ya, perangnya seperti **musang berbulu ayam!** Anak gadis aku juga kata si Samad ini ada mengajaknya buat kerja kemasyarakatan berhampiran tempat pembunuhan itu bulan lalu. Dua tiga temannya juga diajak sama!” Kak Sari menambah maklumat.

“Memang melampau orang tua ni. Dahlah dia sendiri berfoya-foya. Anak-anak gadis orang pun nak ditarik sekali ke kawah dosa?” Kak Leha merah padam wajahnya. “Tuhan lebih tahu. Memang patut ajalnya di situ. Biar kebenaran tentang kejahatannya diketahui orang!”

Berita tentang kematian Pak Samad semakin hari semakin rancak dibualkan para penduduk estet kami dan juga jemaah masjid. Selepas solat Maghrib, aku duduk berehat dengan beberapa jemaah muda di ruang legar masjid.

“Kecoh betul tentang arwah Pak Samad. Dia mempergunakan masjid untuk membentuk imej alim dan warak. Sembahyangnya entah diterima Tuhan entah tidak.” Seorang jemaah memulakan cerita sambil menikmati secawan kopi.

“Aku dengar pihak polis terjumpa sepaket dadah berhampiran mayatnya!” Amran berkongsi berita. Kemeja-T bergambar naga dikibas-kibaskan untuk menyejukkan badannya yang panas dek menahan marah. “Orang tua jahanam! Tak cukup dengan maksiat, aku tak terperanjat kalau dadah pun diedarnya juga!”

Aku menafikan segala andaian dan fitnah yang tidak berasas itu. Apabila ditanya tentang **kesahihan** sumber beritanya, jawab mereka, “Orang kampung semua dah tahu!”

Begitu mudah para penduduk di sini menyebarkan fitnah dan membuat andaian kosong. Pak Samad yang sudah banyak berjasa terus ditikam dengan pelbagai cerita yang **mengaibkan**.



Semasa aku ke rumah Kak Bedah untuk menghantar beras dan makanan keperluan asas bulanan kepada keluarganya, dia menyatakan kekesalannya menerima sumbangan daripada arwah Pak Samad selama ini. Katanya, makanan yang diberikan Pak Samad dibeli dengan duit haram. Makanan daripada duit haram akan menyebabkan hidup si penerima sekeluarga tidak berkat.

“Kakak dah betul pasti duit yang Pak Samad gunakan ini daripada sumber haram?” aku bertanya.

“Jangan banyak soal! Kau mana tahu? Kau tu budak lagi! Bacalah suratkhabar! Gambar kematiannya jelas terpampang di kawasan maksiat! Pemberita takkan buat cerita. Ada bukti!” bentak Kak Bedah.

Aku sungguh kecewa dengan sikap dan cara pemikiran ramai yang melontar fitnah dan hinaan terhadap Pak Samad hanya berlandaskan lokasi kematiannya. Begitu cepat mereka membuat andaian dan melupakan segala jasa baik arwah hanya kerana cara kematiannya yang menyedihkan. Belum pun selesai pihak polis menjalankan siasatan terhadap kes pembunuhan itu, orang ramai telah pun membuat rumusan masing-masing. Adilkah mereka? Aku berdoa kebenaran akan terserlah akhirnya demi membersihkan nama baik arwah.

Selang beberapa hari, suasana gempar lagi. Tersebar berita tentang seorang wanita muda telah tampil ke hadapan untuk memberi keterangan dan kerjasama kepada pihak polis bersangkutan dengan pembunuhan arwah Pak Samad. Identiti wanita tersebut dirahsiakan. Sejurus mendengar berita tersebut, Kak Leha terus lantang bersuara, “Kau orang tengok! Betul bukan cakap aku? Itu dah tentu perempuan simpanannyalah yang beri keterangan! Yang penting kita semua bersyukur. Orang macam Samad dah mati!”

Aku menggeleng-gelengkan kepala sambil beristighfar panjang. Lancang betul mulut Kak Leha! Aku yang muda lagi cetek agama ini tahu dosa mencerca orang yang sudah meninggal dunia, inikan pula dia yang jauh lebih berusia daripadaku. Terfikir juga olehku bagaimana orang bermulut **celopar** seperti Kak Leha ini boleh disenyapkan. Semenjak berita kematian Pak Samad tersebar, Kak Lehalah yang paling lantang melemparkan pelbagai tohmahan terhadap arwah.

SUSPEK PEMBUNUHAN DITAHAN

5 orang suspek telah ditahan berhubung kes pembunuhan Allahyarham Samad bin Amin. Allahyarham Samad telah ditikam hingga mati di Lorong 13, Geylang, dua minggu yang lalu pada 15 September 2017.

Penangkapan tersebut juga telah membawa kepada terbongkarnya sindiket pelacuran yang mengumpan gadis-gadis tempatan dan menjebak mereka ke dalam kegiatan tidak bermoral itu.

Hasil siasatan polis dan maklumat saksi mengesahkan Allahyarham Samad terbunuh ketika cuba menyelamatkan seorang gadis daripada menjadi mangsa sindiket tersebut.

Allahyarham ditikam dalam satu pergelutan dengan anggota sindiket itu. Gadis yang difahami merupakan jiran Allahyarham berjaya melarikan diri sewaktu pergelutan berlaku dan kini merupakan saksi utama. Siasatan masih dijalankan.

Keesokan harinya, pagi-pagi lagi telefon bimbitku sudah berbunyi. Ada pesanan ringkas daripada Fauzan.

“Rizal, baca akhbar hari ini. Ada berita tentang kes Pak Samad. Nanti jumpa di kedai kopi tempat biasa jam 9 pagi.”

Aku langsung ke kedai untuk membeli senaskhah akhbar. Terpampang di halaman hadapan tajuk berita ‘Suspek Pembunuhan Ditahan’. Aku terus ke kedai kopi untuk membaca laporan berita itu sambil menunggu Fauzan.

Otakku ligat berfikir. Siapa gadis yang dimaksudkan? Jiran? Tapi siapa? Tiba-tiba, bahuku ditepuk. Fauzan rupanya.

“Fauzan! Rupa-rupanya Allahyarham meninggal ketika menyelamatkan orang! Kasihan arwah, teruk dia dikecam orang! Aku harap berita ini akan membersihkan nama baik arwah yang dah tercemar dengan pelbagai fitnah. Tapi siapa gadis yang diselamatkan itu? Jiran?” Aku memandang Fauzan dengan penuh tanda tanya.


“Kau masih tak tahu, Rizal? Dah heboh satu kampung! Farah, anak Kak Leha!” ujar Fauzan. Kata-katanya itu membuat aku terpancing untuk mengetahui lebih lanjut. Farah, anak gadis Kak Leha yang baru tamat belajar di ITE itu?

“Eh, kau biar betul! Entah dari mulut Mak Jujat mana yang kau dah dengar cerita ni! Boleh percaya ke?” Aku cuba menguji kesahihan berita yang disampaikan Fauzan.

“Berita ni aku dengar sendiri daripada mulut Farah! Dua tiga hari yang lalu, aku terserempak dia di dalam bas. Wajahnya sugul sangat. Sewaktu turun bas, aku tegur dia. Tak semena-mena dia menangis teresak-esak dan terkeluarlah semua cerita dari mulutnya. Dia sedih sangat dengan tuduhan orang ramai ke atas arwah Pak Samad. Walhal, orang tua itulah yang telah menyelamatkannya. Sikap ibunya sendiri yang menjaja fitnah tentang Pak Samad lebih membuat Farah tertekan dan malu. Sebenarnya, si Farah ni nak merahsiakan duduk perkara daripada pengetahuan sesiapa, tapi disebabkan pelbagai tohmahan yang tersebar yang membusukkan nama Pak Samad, maka dia beranian diri untuk tampil ke hadapan dan bekerjasama dengan pihak polis.” Aku melopong mendengar penerangan Fauzan.

“Mak Leha tu sebenarnya banyak hutang dengan *tailong*. Farah pula nak bantu ibunya keluar dari jerat hutang. Kerana inginkan gaji lumayan, dia ambil **jalan pintas** dengan bekerja sebagai pelayan di sebuah bar. Namun, setelah bekerja, baru dia tahu, bar itu sebenarnya markas bagi sindiket pelacuran dan semua pelayan wanita di bar itu harus memberikan layanan istimewa kepada pelanggan.

Walaupun dia perlukan duit, Farah tak sanggup nak buat kerja seperti itu. Tapi ketua sindiket itu tidak mahu melepaskan dia begitu sahaja kerana takut rahsia kegiatan haram mereka terbongkar. Farah minta bantuan Pak Samad untuk temankan dia bagi satu **perundingan** agar orang-orang sindiket itu tidak mengganguya lagi. Namun, semasa perundingan itu keadaan



jadi tidak terkawal dan akhirnya mereka menyerang Pak Samad.” Fauzan menghela nafas panjang tatkala dia selesai bercerita. Aku pula terkebil-kebil cuba mencerna duduk perkara.



“Farah! Mengapa kau rahsiakan semua ini daripada aku? Aku malu! Malu! Sungguh aku tak sangka arwah Samad yang aku kutuk dan hina itu terkorban kerana nak menyelamatkan kau!” Sedu-sedan Kak Leha bergema di ruang tamu rumahnya. Hatinya penuh sesal. Sikapnya yang boros berbelanja melebihi kemampuan sehingga sanggup berhutang dengan pemiutang haram menyebabkan anak gadisnya nyaris menjadi mangsa sindiket pelacuran. Orang yang cuba menyelamatkan anaknya daripada menjadi mangsa pula diburuk-burukkan tanpa usul periksa.

“Ibu, anggaplah ini satu pengajaran berharga buat kita semua. **Prasangka** itu ibarat racun yang membutakan kita. Orang yang kuat berprasangka dan menjaja aib orang itu tak ubah seperti lalat yang hanya mencari-cari tempat yang kotor. Farah harap Mak dan jiran-jiran di sini yang dah bersangka buruk dengan arwah Pak Samad sedar akan kesilapan masing-masing.” Farah yang sudah lama mendiamkan diri itu akhirnya bersuara. Segala apa yang berlaku menimbulkan keinsafan dan kesedaran dalam dirinya.

Kata-kata Farah bagaikan anak panah yang menembusi jantung Kak Leha. “Maafkan aku, Samad! Maafkan aku!” Raungannya semakin bergema.

- Selesai -

Glosari



bedah siasat – pemeriksaan secara pembedahan yang dilakukan ke atas mayat untuk mengenal pasti punca kematiannya

celopar – bercakap ikut sesuka hati

jalan pintas – jalan mudah

kesahihan – perihal benar, pasti atau sah

mengaibkan – memalukan

musang berbulu ayam – orang yang jahat menyamar sebagai orang yang baik

penyeludupan – perbuatan masuk ke sesuatu tempat dengan tidak mengikut peraturan atau secara haram

perundingan – perbincangan untuk mencapai sesuatu keputusan

prasangka – anggapan buruk terhadap sesuatu sebelum mengetahui hal yang sebenar

tohmanan – tuduhan yang berdasarkan syak wasangka

Paksi

Sri Nabilah Basri





Biodata Penulis



Sri Nabilah Basri

Cikgu Sri Nabilah Basri mula mengajar pada tahun 2012. Beliau kini bertugas di Sekolah Menengah Hougang. Beliau menulis pada awalnya sekadar untuk mencabar diri dan meneroka gaya penulisan yang telah diajarkan Pak Suratman Markasan. Pada masa yang sama, diharapkan karya ini dapat memberi manfaat buat keluarga besar pendidikan setempat juga. Penulis kegemaran beliau ialah Faisal Tehrani (Dr. Mohd Faizal Musa) kerana beliau menyuntik kesegaran, memperkaya pengetahuan dan sentiasa mencabar pembaca lewat karyanya.

“Terima kasih, Rizal, kerana sudi hadir,” ucap Puan Melati, ibu Hasnul. Sewaktu dia tersenyum itu, terlihat juga garisan-garisan halus di hujung bibirnya bergetar seolah-olah sedang menahan sebak di dada.

“Sama-sama, Cik. Dia kawan baik saya. Mustahil saya tak hadir untuk majlis kenduri ni,” balas Rizal, sekali gus terngiang-ngiang akan bunyian siren yang telah menambahkan **gamat** pada petang yang malang itu.

Tatkala itu juga sebuah imejan datang bertamu dalam mindanya tanpa disuruh-suruh. Imejan itu merupakan sebuah kenderaan putih berlabel merah yang dengan begitu yakin membelah perut ruang legar Sekolah Menengah Temenggong.

Sejurus sahaja kenderaan itu berhenti, dua orang lelaki dan seorang wanita yang segak berpakaian seragam berwarna biru gelap terjun daripada kenderaan itu. Pintu belakang dibelah dua lalu mereka menarik keluar sebuah objek berwarna oren serta beberapa beg hitam yang disandang terus pada bahu. Sambil berlari-lari anak, mereka menolak objek oren tersebut ke arah hujung bangunan. Masih ada ketenangan pada riak wajah mereka.

“Marilah duduk di sana,” suara Puan Melati mematikan khayalan Rizal.

Rizal mengekori Puan Melati dari belakang, menuju ke arah ruang yang agak senggang sambil melintasi beberapa orang wanita separuh umur yang sedang duduk bersimpuh sambil memegang kitab kecil pada tangan masing-masing. Tempat Rizal melabuhkan punggungnya ibarat sempadan antara hadirin lelaki dengan perempuan.

Petang yang malang itu sudah empat puluh hari berlalu. Maka genaplah empat puluh hari Rizal terpisah daripada insan yang bergelar sahabat. Sepanjang tempoh tersebut, terasa seperti ada kekosongan dalam hatinya. Selalunya, pada sahabat itulah Rizal berkongsi suka dan duka. Dengan sahabat itulah dia bergurau senda.

Rizal terbayang lagi. Dua orang lelaki dan seorang wanita yang berpakaian seragam itu akhirnya sampai ke tapak yang ingin dituju. Di hujung bangunan, terbentang sebuah padang bola sepak yang sudah kelihatan agak **kusam**. Ada tubuh-tubuh melekit dan berbau hangit sedang berlegaran di padang itu.

Kulit wajah mereka merah ibarat udang yang dipanggang. Barang kali kepanasan dimamah terik mentari. Barang kali juga kerana rasa risau sedang semarak dalam jiwa masing-masing. Sesekali terlihat mereka menyeka keringat yang mula berkumpul di dahi. Tidak kurang juga yang mula tergaru-garu tangan dan kaki hasil daripada bergolekan di atas rumput awal tadi.

Yang pasti, tumpuan mereka pada sekujur tubuh yang sedang terbujur layu di atas rumput yang kusam itu. Kelihatan si pemilik tubuh itu sedang dirawat oleh tiga sekawan yang berbaju seragam tadi. Seorang melekapkan ibu jarinya pada **pergelangan** tangan si pemilik tubuh yang langsung tiada daya untuk melawan. Seorang lagi kelihatan sedang bertanyakan soalan bertubi-tubi kepada si pemilik tubuh seolah-olah si dia sedang menjalani sesi temu duga yang tidak diminta. Apa lagi dirancang.

“Beri laluan! Semua boleh bergerak ke kantin, ya. Beri laluan kepada kami menjalankan tugas,” **sekonyong-konyong** itu suara garau lelaki yang ketiga mengarahkan tubuh-tubuh melekit dan berbau hangat bergerak meninggalkan padang itu.



Dari kejauhan, Rizal memerhatikan tiga orang paramedik itu bertindak pantas, namun penuh berhati-hati, memindahkan tubuh Hasnul ke atas tandu. Dalam kurang lima minit, Hasnul sudah diusung meninggalkan padang bola sepak itu bertemankan seorang guru.

Hasnul dibawa pergi bersama ambulans yang singgah buat sementara tadi. Bunyi siren yang semakin lama semakin sayup terus menggoncang dada tubuh-tubuh melekit dan berbau **hangit** kerana tidak tahu apa yang bakal mereka jangkakan.

Rizal yang sama-sama tergamam menyaksikan keseluruhan kejadian itu hanya berdiam diri. Apabila bayang-bayang ambulans tadi sudah tidak kelihatan lagi, dia mencari bangku untuk melabuhkan punggungnya. Kejadian awal tadi agak mengganggu mindanya. Sangat mengerikan.

“Tu lah, Hasnul. Suka sangat menunjuk. Macam dia seorang saja yang bagus. Nak main bola, main sajalah. Sibuk nak tunjuk otot kenapa?” Rizal terdengar satu suara yang agak keras menyampaikan pendapat.

“Eh, biasalah tu. Suka dialah nak buat apa pun. Orang tengah gembira memang macam tu. Engkau ni. Orang tu dah kena bawa naik ambulans pun engkau masih nak mengata?” ada pula yang membela aksi Hasnul awal tadi.

“Agak-agak sekolah masuk berita, tak? Ish, terkenallah sekolah kita nanti, ya! Mesti sekolah kena panggang dengan *netizen* sebab besi berkarat pun mereka masih simpan lagi,” tambah satu lagi suara lain. Sedikit matang pendapatnya.

Rizal tidak mahu ikut campur dalam perbualan itu. Hasnul sahabat karibnya. Mana mungkin dia libatkan diri dalam perbualan yang tidak ada manfaatnya itu.

“Dik, ada kitab Yasin? Kalau tak ada boleh ambil yang ini,” teguran seorang lelaki memutuskan khayalan Rizal entah kali yang ke berapa.

Tanpa berlengah, Rizal mencapai kitab Yasin yang dihulurkan kepadanya. Mujur ibu dan ayahnya sudah mendidik dia ilmu agama sejak kecil lagi.

Menurut ibu, huruf-huruf hijaiyah sudah mula membasahi bibirnya sejak dia berusia lapan belas bulan lagi. Genap dua tahun, dia sudah bijak mengaji Al-Fatihah. Minatnya terhadap hafalan surah-surah Al-Quran jelas kelihatan semakin usianya meningkat. Kini, pada usia lima belas tahun, sungguhpun tanpa merujuk pada kitab, Rizal sudah mampu membaca keseluruhan surah Yasin berdasarkan hafalan.



Mujur majlis bacaan Yasin yang bertempat di rumah Hasnul, berlangsung pada petang hari Sabtu. Sekurang-kurangnya tidaklah Rizal terlepas mengikut sama majlis tersebut. Sebagai sahabat yang sangat rapat dengan Hasnul, Rizal rasakan sudah menjadi tanggungjawabnya untuk ikut serta dalam majlis tersebut. Lagipun, jika Hasnul ada, dia pasti menaruh harapan agar Rizal akan ikut sama.



“Apa langkah kau yang seterusnya, Melati?” soal seorang makcik berkerudung merah jambu. Sesekali tangannya yang sarat dengan gelang emas membetul-betulkan duduk manik-manik pada cadar yang menutupi kepalanya.

“Entah, kak. Kepala saya masih serabut. Setakat ini pihak sekolah pun masih berdiam. Sepi tak ada berita,” terang Puan Melati.

“Ish. Saman, jangan tak saman. Mana boleh pihak sekolah membisu macam itu. Kau alami kehilangan yang besar, tahu. Kau pun jangan duduk berdiam saja,” tegas makcik itu menyuarakan pendapatnya.

Rizal yang dengan tidak sengaja terdengar perbualan itu tersentak seketika. Mengapa pula pihak sekolah yang hendak disaman? Dahinya berkerut tanpa dia sedari. Apa salah pihak sekolah sebenarnya. Sejak kemalangan Hasnul di padang bola sepak empat puluh hari yang lalu, banyak langkah yang telah diterapkan pihak sekolah untuk pastikan kemalangan serupa itu tidak berulang lagi.

Rizal masih ingat lagi. Pada petang kejadian, semua pelajar yang telah menyaksikan kemalangan Hasnul, khususnya para pelajar yang turut bermain bola sepak bersama Hasnul, telah dikumpulkan oleh para guru. Rizal tidak terkecuali. Dalam masa kurang lima belas minit, mereka semua telah dikumpulkan dalam sebuah bilik berhawa dingin. Cukup selesa dan menyenangkan badan dan minda manusia-manusia yang melekit dan berbau hangit awal tadi.

Rizal bersama teman-teman yang lain telah diberikan kaunseling serta kata-kata semangat agar tidak rasa terpukul dengan kejadian yang berlaku di depan mata mereka. Pada masa yang sama, Rizal bersama teman-teman yang lain turut diberikan nasihat agar kejadian tersebut terus terkawal dan tidak tersebar pada mana-mana media sosial.

Satu-persatu telefon bimbit mereka disemak para guru yang ada. Kata guru, itu untuk memastikan tidak ada sebarang gambar atau rakaman video pun dalam telefon bimbit pelajar yang terlepas. Risau-risau nanti ada pula imej atau rakaman yang dimuat naik ke media sosial. Pihak sekolah sangat peka tentang perlunya melindungi dan menghormati diri mangsa serta keluarganya.

Sambil fikirannya menerawang, Rizal menyepit sedikit mi goreng daripada bekas timah lalu dipindahkan ke piring plastik pakai buang yang sedang dipegangnya. Lalu dia mengambil pula dua batang popiah goreng serta sekeping epok-epok bertanda merah. Begitulah jamuan ringan yang disediakan buat para tetamu seusai majlis bacaan Yasin pada petang itu. Makanan yang terhidang itu mencuit memorinya kembali.



“Has!” Satu suara memanggil Hasnul dari jauh. “Makanlah mi goreng ni dulu! Waktu rehat tadi engkau langsung tidak menjamah apa-apa makanan. Nanti engkau tidak ada tenaga nak bermain di bawah terik matahari.”

Hasnul menggelengkan kepalanya lalu memberikan isyarat tangan kepada kawan tersebut. Sejurus itu, dia menyeka butir-butir keringat yang sudah mula terbit di dahi dan lehernya, hasil daripada usaha kerasnya itu. Bola yang di sampingnya dipungut lalu dia berlari ke arah tengah padang untuk menyertai teman-teman yang lain. Bola itu disepakinya tinggi-tinggi, seolah-olah dia sedang menunjukkan kehebatan kepada kawan-kawan yang lain.

Rizal cukup faham isyarat yang diterimanya. Dia juga cukup faham dengan kedegilan sahabatnya yang seorang itu. Namun, Rizal tidak faham mengapa Hasnul bermati-matian berlatih pada setiap waktu rehat dan juga waktu petang. Banyak kali juga Hasnul tidak makan pada waktu rehat. Tugas sekolah yang tertunggak tak perlulah disebut lagi. Sesetengah guru pun sudah naik penat menasihati Hasnul supaya dia menghantar tugasannya tepat pada masa.

Bungkusan mi goreng berharga sedolar disembunyikan di bawah beg yang dia tinggalkan di atas meja di kantin. Rizal yakin, selepas permainan bola sepak nanti pasti Hasnul akan kelaparan. Mi goreng itu boleh menjadi penyelamatnya. Tanpa berlagah lagi, Rizal sendiri berlari-lari anak ke arah tengah padang.

“Kau tahu kan hari ini merupakan hari yang penting buat aku?” Hasnul berbicara dengan suara yang agak nyaring dari jarak enam meter jauhnya.

“Iya, aku tahu. Tapi kau dah fikir masak-masak, Hasnul? Kau rasa perlu ke kau buat semua ni?” Rizal bertanya lagi walaupun soalan itu sebenarnya sudah beribu kali dia ajukan.

“Petang ini akan menentukan sama ada aku akan diterima mewakili pasukan bola sepak sekolah kita atau sebaliknya,” Hasnul mengulang juga jawapan sama yang telah dikongsinya beribu kali.

“Kau kan tahu, beratur pelajar-pelajar lelaki nak anggotai pasukan ni. Banyak manfaatnya, Rizal. Selain aku dapat terlibat dalam pertandingan bola dengan lebih kerap, orang juga akan lebih hormat kepada aku. Inilah peluang aku nak jadi Lionel Messi!” jelas Hasnul lagi sambil **mendabik dada**.

Perasaan Rizal bercampur. Sebagai seorang kawan yang baik, dia ingin menyokong setiap hasrat murni rakannya itu. Namun begitu, jauh di sudut hatinya, tersemat juga sedikit kerisauan mengenangkan gaya hidup rakannya yang tidak diurus dengan baik itu.

Hasnul sebenarnya mengalami masalah kesihatan yang difahamkan sebagai *Atrial Septal Defect* sejak bayi lagi. Menurut istilah yang mudah, orang-orang tua memanggilnya jantung berlubang. Puan Melati selalu menasihatkan Hasnul agar tidak terlalu lasak dalam berkegiatan. Bahkan, Puan Melati pun sering meminta bantuan Rizal agar sama-sama mengingatkan dan menegur Hasnul apabila melihat Hasnul terlebih aksi apabila membelakangkan Puan Melati. Rizal pegang amanah itu.


Rizal melihat Hasnul berlari ke arah timur, mengejar bola yang sedang berpusaran ke arah tiang gol pihak lawan. Ketangkasannya menggelecek bola serta tendangannya yang padu memang tidak dapat dinafikan. Jauh di sudut hatinya, Hasnul yakin bahawa jaringan gol saat itu miliknya.

“Gol!!!” dengan serentak Hasnul serta beberapa pelajar lain menjerit penuh kejayaan.

Dalam kegirangan, Hasnul berlari ke arah gawang dengan senyuman yang paling lebar. “Hebat lah engkau, Hasnul!” fikirnya, masuk bakul angkat sendiri.

Entah mengapa, tiba-tiba Rizal melihat Hasnul melompat. Dadanya diserahkan ke udara sambil kededua tangannya dijangkaukan ke depan. Oh, pasti dia ingin meraikan kejayaannya dengan aksi *pull-ups* pada tiang gol seperti kebiasaannya.

Satu. Dua. Tiga kali kepala Hasnul berjaya diangkat melepasi tiang yang melintang itu. Sejurus sahaja Hasnul hendak melepaskan tangannya daripada tiang tersebut, seluruh makhluk di padang itu termasuk pokok-pokok dan rumput-rumput menjadi saksi tiang gol yang tumbang bersamanya.



Sejurus itu juga semuanya dapat melihat darah merah terpercik ke udara sambil Hasnul meraung minta bantuan.

Suasana yang girang tiba-tiba berubah menjadi gamat. Tubuh-tubuh yang awalnya penuh tenaga turut menjadi kecut tak bermaya. Kaku dan kelu tak terkata. Saat itulah para guru tiba. Pasukan paramedik juga dijemput sama. Segala macam bantuan disediakan dengan segera.

Namun, kejadian itu hanya tinggal kenangan. Empat puluh hari sudah berlalu. Banyak hal sudah berubah. Tiang gol mudah alih juga sudah digantikan dengan tiang gol baru yang ditambat kukuh pada tanah.

Rizal rasakan perlu untuk memberitahu Puan Melati segala langkah susulan yang telah diambil sekolah sejak kejadian tersebut. Dia gagahkan diri menghampiri Puan Melati untuk berkongsi segala informasi yang dia tahu.

“Terima kasih, Rizal, kerana berkongsi dengan Makcik segala usaha yang telah dijalankan pihak sekolah. Tapi jujur, yang Makcik kesalkan, tiada guru yang menelefon Makcik. Kali terakhir mereka melawat Hasnul pun kira-kira seminggu selepas kejadian,” jelas Puan Melati.

Sesungguhnya, Puan Melati bukan jenis insan yang mudah menuding jari. Dia tahu, anaknya juga turut menyumbang pada kejadian itu. Bahkan, Puan Melati bersyukur kerana nyawa anaknya masih belum tergadai.

Memang jantungnya hampir gugur saat mendapat berita tentang kemalangan anak tunggalnya itu. Apabila dia mendengarkan kejadian itu daripada kawan-kawan terdekat Hasnul, terbit juga rasa

marah kepada pihak sekolah kerana membiarkan alat-alat yang tidak selamat diguna pakai pelajar. Sekolah apa yang tidak bertanggungjawab seperti itu.

Namun begitu, Puan Melati tidak mudah **melatah**. Syukurlah suaminya sentiasa ada di sisi juga untuk berkongsi pendapat yang rasional dan menasihati Cik Melati agar menyiasat dahulu sebelum mengambil sebarang tindakan. Pada masa-masa sukar seperti itu, Puan Melati sangat berterima kasih kerana memiliki sistem sokongan yang padu.

Kenduri pada petang itu justeru untuk merakam rasa syukur dirinya beserta suami kepada yang maha Esa kerana telah menyedarkan anak mereka daripada keadaan koma setelah terlantar lebih lima minggu lamanya. Menurut para doktor, anaknya itu telah sedar lebih awal daripada yang dijangka.

“Esok saya melawat Hasnul di hospital ya, Makcik. Tak sabar rasanya nak berjumpa dan bercakap-cakap dengan dia lagi,” Rizal bersuara untuk meredakan ketegangan suasana.

Puan Melati tersenyum **hambar**. Besar harapan anak muda di hadapannya itu. Anak muda itu belum tahu bahawa sahabatnya, Hasnul, kehilangan memori semenjak tersedar daripada koma. Dia sudah tidak boleh mengenali orang lagi. Namun, Puan Melati tidak mahu berputus harap. Setiap kesukaran pasti ada jalan keluarnya.

- Selesai -

Glosari

berkerudung – bertudung

berkerut – tidak licin atau berkedut, bergelembur

gamat – bising, riuh-rendah

hambar – dingin, tidak bersemangat, acuh tak acuh

hangit – berbau busuk seperti bau peluh, bau seperti tidak mandi

kusam – pudar, suram

melatah – mengeluarkan perkataan atau membuat sesuatu dengan tidak sengaja kerana terperanjat.

mendabik dada – aksi yang menunjukkan kebanggaan atau keberanian

pergelangan – bahagian tangan yang dekat dengan buku tangan

sekonyong-konyong – dengan tidak disangka-sangka atau tiba-tiba

Sekalung Budi

MLCS mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam e-Penerbitan cerpen sebagai bahan PdP bagi para guru dan pelajar.

Sekalung budi untuk Encik Haji Suratman Markasan yang telah membimbing para guru dalam penghasilan cerpen dalam Antologi *Tauji*.

Jutaan terima kasih kepada para guru yang telah menghasilkan cerpen dalam Antologi *Tauji*. Semoga penerbitan antologi ini merangsang semangat para guru membina bahan bacaan yang boleh digunakan sebagai bahan pembelajaran bagi bahasa Melayu.

Terima kasih kepada Cikgu Naurah Insyirah yang telah menghasilkan karya seni digital bagi Antologi *Tauji*.

Terima kasih kepada sidang pengarang kerana menilai dan mengedit cerpen-cerpen yang diterbitkan.

